ڤليتا بروني
PELITA BRUNEI
*Membudayakan Masyarakat Bermaklumat*
AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

MANISNYA IMAN مانيسڽ ايمان

"DARIPADA Abi Bakrah Radiallahuanhu daripada Nabi Sallallahu 'Alaihi Wasallam, Baginda Sallallahu 'Alaihi Wasallam bersabda : Tidak ada satu dosa yang lebih patut disegerakan hukuman bagi pelakunya (di dunia), di samping hukuman yang disimpan untuknya (di akhirat), daripada perbuatan melampaui batas dan memutuskan hubungan kekeluargaan".
(Hadis Riwayat Al-Imam Al-Bukhari)

WAKTU SEMBAHYANG | IMSAK 4.36 | SUBUH 4.46 | SYURUK 6.06 | DUHA 6.30 | ZUHUR 12.05 | ASAR 3.26 | MAGHRIB 6.02 | ISYAK 7.13
Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 67 BILANGAN 135 | 9 NOVEMBER 2022 / 1444 ربيع الأخر 14 | JABATAN PENERANGAN | EDISI RABU / PERCUMA

# TITAH PERUTUSAN TAHNIAH KEPADA KEMBOJA





**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menghantar titah-titah perutusan tahniah kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Preah Bat Samdech Preah Boromneath Norodom Sihamoni, Raja Kemboja dan Perdana Menteri Kemboja, Tuan Yang Terutama Samdech Akka Moha Sena Padei Techo Hun Sen, kerajaan dan rakyat Kemboja.**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 9 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah-titah perutusan tahniah kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Preah Bat Samdech Preah Boromneath Norodom Sihamoni, Raja Kemboja dan Perdana Menteri Kemboja, Tuan Yang Terutama Samdech Akka Moha Sena Padei Techo Hun Sen, kerajaan dan rakyat Kemboja bersempena dengan Hari Kemerdekaan Yang Ke-69 negara tersebut.

# Kajian Pengurusan Diabetis sedang dijalankan

**Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim**

**BERAKAS,** Isnin, 7 November. - Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar menjelaskan, dalam masa satu minggu kebelakangan ini, jumlah kes COVID-19 yang dilaporkan di Negara Brunei Darussalam (NBD) menunjukkan peningkatan di mana kadar purata harian kes pada minggu lepas ialah 554 kes sehari, berbanding dengan 485 kes sehari pada minggu sebelumnya.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan, sebanyak 39,588 keputusan Ujian Pantas Antigen (ART) telah dimuat naik ke aplikasi BruHealth dalam masa satu minggu di mana 9.7 peratus daripadanya adalah keputusan ART yang positif.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan mengongsikan perkara tersebut pada Sidang Media Normal Baharu COVID-19 di NBD yang berlangsung di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan, di sini.

**>> Muka 3**

# Kesihatan Mental penting demi kesejahteraan awam

**Oleh : Nooratini Haji Abas**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 8 November. - Kesihatan Mental adalah penting kepada semua orang. Ia adalah sebahagian daripada kesihatan dan kesejahteraan kita, sepertimana yang dijelaskan dalam Perlembagaan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), iaitu 'Kesihatan ialah keadaan fizikal, kesejahteraan mental dan sosial yang lengkap dan bukan semata-mata ketiadaan penyakit atau kekurangan upaya'.

Bukan itu sahaja, Kesihatan Mental yang baik membolehkan seseorang itu merealisasikan potensi diri mereka, mengatasi tekanan hidup, bekerja secara produktif, dan menyumbang kepada masyarakat mereka. Tidak dapat dinafikan, kesihatan mental itu adalah penting.

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar menekankan demikian semasa Majlis Pelancaran Pelan Tindakan Kesihatan Mental Brunei Darussalam 2022-2025 dan Penandatanganan Memorandum 'Friends of HPC', yang berlangsung di Dewan Serambi Suluh, Tarindak D'Seni, di ibu negara, di sini.

**>> Muka 5**

# Mewujudkan persekitaran kemajuan mapan, berdaya tahan

**Berita dan Foto : Hernie Suliana Haji Othman**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 8 November. - Jabatan Perancang Bandar dan Desa (JPBD) selaku agensi yang dipertanggungjawabkan untuk memenuhi permintaan tanah daripada pelbagai sektor bagi menjana pertumbuhan negara, perlu menitikberatkan kepentingan dasar perancangan guna tanah yang optima untuk membuahkan hasil positif.

Ini termasuk mekanisma pengagihan tanah yang lebih efektif dan strategik bagi memastikan bekalan tanah yang diperuntukkan bagi pelbagai rancangan kemajuan dapat dilaksanakan bagi mendokong matlamat strategik Wawasan Brunei 2035.

Perkara berkenaan antara yang dinyatakan oleh Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid semasa menyampaikan mukadimah selaku tetamu kehormat majlis pada Majlis Pelancaran Sambutan Jubli Emas 50 Tahun Penubuhan JPBD.

Majlis yang diselajurkan dengan Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia 2022 berkenaan telah berlangsung di Dewan Musyawarah, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

**>> Muka 6**

IKUTI KAMI DI APLIKASI MUDAH ALIH
InfoDeptBN
Pelita Brunei | pelitabrunei | pelitabrunei

## Berita Utama



JADIKAN fenomena gerhana satu iktibar, pengajaran

Muka 4




PESTA Konvo IBTE buka tirai

Muka 7



INFO Teknologi

MEMILIH komputer riba sesuai dengan kegunaan

Muka 21

## STATUS COVID-19
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Maklumat setakat 8 NOVEMBER 2022

| | |
|---|---|
| 78.7% | 3 dos vaksin COVID-19 penduduk umum |
| 61.8% | 3 dos vaksin COVID-19 remaja berumur 12-17 tahun |
| 86.4% | 2 dos vaksin COVID-19 kanak-kanak berumur 5-11 tahun |
| 505 | Jumlah kes sembuh 24 jam lalu |
| 240,297 | Jumlah kes yang sembuh |

Ministry of Health, Brunei Darussalam | mohbrunei | www.moh.gov.bn

ڤليتا بروني PELITA BRUNEI

# 4 dekad hubungan diplomatik terus kukuh

**Bismillahir Rahmanir Rahim**
**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Selamat Pagi**

SAYA ingin memulakan dengan merakamkan penghargaan di atas jemputan awda untuk saya berucap pada majlis bertuah hari ini.

Berlatarbelakangkan persekitaran global yang semakin saling berkaitan tetapi sangat tidak menentu, Negara Brunei Darussalam memberikan nilai yang tinggi dan sangat menghargai rakan dan rakan kongsi kita. Ini terbukti dengan penglibatan aktif kami di platform dua hala, serantau dan antarabangsa.

Oleh itu, saya berbesar hati untuk memperingati perkongsian mesra dengan Kesultanan Oman melalui Dialog hari ini.

Selepas hampir empat (4) dekad menjalin hubungan diplomatik, penglibatan dua hala telah diperkukuh melalui hubungan perniagaan dalam bidang industri tenaga, ICT dan akuakultur; serta pertukaran rakyat dengan rakyat dan budaya.

Ini sudah tentu tidak menghairankan... kerana Negara Brunei Darussalam dan Oman adalah rakan kongsi semula jadi, memandangkan minat, cita-cita dan cabaran bersama kedua-dua negara.

Wawasan Brunei 2035 dan Wawasan Oman 2040 misalnya menetapkan matlamat yang sama untuk memajukan pembangunan sosioekonomi negara masing-masing. Terdapat banyak persamaan dalam strategi kita, yang mana yang paling ketara adalah untuk mempelbagaikan ekonomi kita.

Seperti Oman, Negara Brunei Darussalam telah lama mendapat manfaat dari peningkatan pengeluaran minyak dan gas, mempercepatkan pertumbuhan negara hingga ke tahap sekarang. Memandang ke hadapan, Negara Brunei Darussalam sedang mempergiatkan usaha untuk memajukan lagi sektor bukan minyak dan gas, seperti Makanan, ICT, Pelancongan, Perkhidmatan dan industri hiliran.

Ini adalah sebahagian daripada usaha untuk mencapai ekonomi yang dinamik dan mampan, dan Alhamdulillah, telah membuahkan hasil kejayaan selama ini.

Sebagai contoh - pada tahun 2021, industri bukan minyak dan gas menunjukkan peningkatan dalam prestasinya, yang mana perikanan (27.1 peratus), ternakan dan ayam itik (19.3 peratus) serta perkhidmatan perniagaan yang menerajui pertumbuhan KDNK negara. Pada tahun yang sama, nilai eksport bukan minyak dan gas juga telah melebihi nilai eksport minyak dan gas...mungkin buat pertama kalinya sejak minyak ditemui di Negara Brunei Darussalam. Sejak beberapa tahun lalu, kami melihat lebih banyak FDI ke dalam industri hiliran seperti projek Hengyi dan Brunei Fertiliser Industries.

Ketika dunia mula hidup dengan COVID-19, seperti banyak negara lain, Negara Brunei Darussalam dan Kesultanan Oman, juga menjalankan banyak inisiatif untuk mendorong pemulihan ke arah pertumbuhan ekonomi jangka panjang. Walau bagaimanapun, kami sedar bahawa pandemik telah mendorong kepada laluan pembangunan ekonomi yang lebih mampan, inklusif dan berdaya tahan.

Ini tidak syak lagi memerlukan ekosistem dan tadbir urus yang membolehkan, pembaharuan dasar, serta pembinaan kapasiti untuk memastikan antaranya keselamatan makanan yang mampan, tenaga bersih, termasuk perdagangan inklusif dan agenda ekonomi. Pengetahuan teknikal, pembiayaan dan pelaburan yang inovatif, di mana kedua-duanya daripada sumber awam dan swasta juga penting, dalam membina infrastruktur serta menggalakkan penggunaan teknologi transformatif dan bersih.

Berikutan perkembangan global ini, apakah ertinya masa depan kerjasama Negara Brunei Darussalam dan Oman?

Pertama, kami menghargai potensi dalam memajukan kerjasama ekonomi kita dalam banyak bidang.

Asas sudah sedia ada. Kedua-dua negara bersama mewujudkan pelbagai inisiatif untuk memajukan kerjasama ekonomi, seperti Jawatankuasa Bersama Brunei-Oman.. ringkasnya B.O.J.C dan Oman Brunei Investment Company atau OBIC. Dengan pelbagai usaha niaganya yang berjaya dalam banyak bidang, OBIC telah menjadi model pelaburan bersama yang sangat baik antara dana negara yang memberikan manfaat ekonomi yang ketara kepada kedua-dua negara.

Di Negara Brunei Darussalam sebagai contoh, apabila OBIC melabur dalam Golden Corporation pada 2019, ia telah menghasilkan 500 tan udang. Walaupun menghadapi cabaran berkaitan COVID-19, Golden Corporation dapat mengembangkan lagi 135 kolam, menghasilkan lebih 4,000 tan udang, dan meningkatkan kapasiti pengeluaran, kemudahan penyimpanan sejuk serta logistik berkaitan pembuatan dan pengangkutan. Saya juga mengambil maklum bahawa OBIC akan terus meneroka lebih banyak peluang seperti itu dalam akuakultur, khususnya yang berkaitan dengan kemudahan penternakan salmon tercanggih di Brunei.

>> Muka 6



**MENTERI di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah berucap semasa merasmikan Pembukaan Dialog Kerjasama Kesultanan Oman - Brunei Darussalam, yang berlangsung di Perpustakaan, Universiti Brunei Darussalam (UBD), pada Selasa, 5 Julai 2022.**

**Terjemahan oleh :**
**Dayang Hajah Musmariani Awang Haji Mohammad**

## WAKTU SEMBAHYANG

| NOVEMBER MASIHI | HARI | RABIULAKHIR HIJRAH | IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 9 | RABU | 14 | 4.36 | 4.46 | 6.06 | 6.30 | 12.05 | 3.26 | 6.02 | 7.13 |
| 10 | KHAMIS | 15 | 4.36 | 4.46 | 6.07 | 6.30 | 12.05 | 3.26 | 6.02 | 7.14 |
| 11 | JUMAAT | 16 | 4.36 | 4.46 | 6.07 | 6.30 | 12.05 | 3.26 | 6.02 | 7.14 |
| 12 | SABTU | 17 | 4.37 | 4.47 | 6.07 | 6.30 | 12.05 | 3.27 | 6.02 | 7.14 |
| 13 | AHAD | 18 | 4.37 | 4.47 | 6.07 | 6.31 | 12.06 | 3.27 | 6.02 | 7.14 |
| 14 | ISNIN | 19 | 4.37 | 4.47 | 6.08 | 6.31 | 12.06 | 3.27 | 6.02 | 7.14 |
| 15 | SELASA | 20 | 4.37 | 4.47 | 6.08 | 6.31 | 12.06 | 3.27 | 6.02 | 7.14 |

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

## RAMALAN CUACA 3 HARI

| | RABU | KHAMIS | JUMAAT |
|---|---|---|---|
| Bandar Seri Begawan | 32 24 °C | 32 24 °C | 32 24 °C |
| Pekan Bangar | 32 24 °C | 32 24 °C | 32 24 °C |
| Pekan Tutong | 32 24 °C | 32 24 °C | 32 24 °C |
| Kuala Belait | 32 25 °C | 32 24 °C | 32 24 °C |

Wallahualam Bissawab www.met.gov.bn
Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

## SIDANG PENGARANG 9 NOVEMBER 2022

### Allah Subhanahu Wata'ala sentiasa menolong hamba-Nya yang selalu menolong saudaranya

SEBAGAI umat Islam kita telah diajar dan digalakkan untuk sentiasa tolong-menolong sesama sendiri, terutama sekali saudara-saudara Islam kita yang sedang mengalami kesulitan atau kesusahan. Apabila kita mengamalkan sifat ingin membantu atau memberi pertolongan kepada orang-orang yang memerlukan ini kita akan turut berasa senang dan insyaaAllah apabila kita menolong orang dalam keperluan, bukan sahaja kita akan meraih pahala tetapi kebaikan tersebut akan dibalas oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : *"Barang siapa yang meringankan (menghilangkan) kesulitan seorang Muslim daripada kesulitan-kesulitan duniawi, maka Allah akan meringankan (menghilangkan) baginya kesulitan di akhirat kelak. Barang siapa yang memberikan kemudahan bagi orang yang mengalami kesulitan dunia, maka Allah akan memudahkan baginya kemudahan (urusan) di dunia dan di akhirat. Dan barang siapa yang menutupi aib seorang Muslim sewaktu di dunia, maka Allah akan menutup aibnya di dunia dan akhirat. Sesungguhnya Allah akan sentiasa menolong seorang hamba yang selalu menolong saudaranya".*

Saling bantu-membantu adalah satu cara kita mengeratkan silaturahim sesama sendiri. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah banyak memberikan panduan dan nasihat tentang cara mengeratkan hubungan silaturahim, di antaranya sebagaimana sabda Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam dari hadis yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari dari Ibnu Umar Radiallahuanha ia berkata : Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud :

*"Bahawa seorang Muslim itu menjadi saudara seorang Muslim lainnya, kerana itu tidak diperbolehkan seorang Muslim itu menganiaya saudara Muslim yang lainnya. Juga tidak boleh seorang Muslim itu menghina saudara Muslim lainnya. Dan barang siapa memberikan pertolongan yakni memenuhi hajat keperluan saudaranya, maka Allah pun memenuhi dan menyelesaikan segala keperluan hajatnya dan barang siapa yang memberikan kemudahan atau memberikan kelapangan bagi kesusahan seorang Muslim, nescaya Allah melapangkan kesusahannya di hari Kiamat*".

Umat Islam yang bersatu padu, yang saling bertolong-tolongan dan bantu-membantu akan membentuk satu pertahanan yang kuat serta kukuh dan akan sukar untuk dipecahbelahkan. Pertolongan yang diberi adalah juga termasuk perkara-perkara seperti memberi bimbingan, teguran baik dan tunjuk ajar untuk melakukan kebaikan dan menolak kejahatan, serta saling berkasih-kasihan. Adalah penting untuk Umat Islam untuk sentiasa bersatu padu dan tidak berbelah bahagi. Kita perlu ingat bahawa Umat yang berpecah belah, tidak ada perpaduan dan tidak berusaha untuk mengeratkan silaturahim adalah umat yang akan menjadi lemah. **- Ketua Penyuntingan (Nr)**

pelita.brunei@information.gov.bn | 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 2381004 | www.pelitabrunei.gov.bn
دتربيتكن اوله جابتن ڤنراڠن، جابتن ڤردان منتري دان دچيتق اوله ڤرينت ڤلس سنديرين برحد، نڬارا بروني دارالسلام
Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

# BRUNEI LAYAK KE PIALA AFF MITSUBISHI ELECTRIC 2022

**Oleh : Khartini Hamir**
**Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas**

**BERAKAS**, Selasa, 8 November. - Pasukan kebangsaan Negara Brunei Darussalam mencatat sejarah apabila berjaya melayakkan diri ke Piala AFF Mitsubishi Electric (AMEC) 2022 sejak menyertai kejohanan ini pada tahun 1996.

Pasukan negara bakal berentap bersama pasukan-pasukan dalam Kumpalan 'A', iaitu Thailand, Filipina, Indonesia dan Kemboja, bulan depan.

Pada perlawanan pertama pasukan Negara Brunei Darussalam menentang pasukan Timor Leste, pada 5 November lepas menyaksikan pasukan negara berjaya mengalahkan pasukan lawan dengan jaringan, 6 - 2 dan walaupun kalah dengan jaringan 0 - 1, pada perlawanan kedua hari ini, pasukan negara menang dengan catatan agregat, 6 - 3.

Perlawanan tersebut berlangsung di Padang dan Balapan, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, di sini.

Berangkat menyaksikan perlawanan dan memberikan sokongan kepada skuad negara, cucunda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim ibni Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah.

Pada separuh masa pertama perlawanan menyaksikan kedua-dua pasukan saling berbalas serangan dan mengatur pelbagai strategi yang baik.

Namun, usaha pasukan Timor Leste membuahkan hasil apabila berjaya memperoleh gol pada dua minit terakhir perlawanan separuh masa pertama menerusi Ketua Pasukan Timor Leste, Mouzinho Barreto De Lima.

Ketinggalan 0 - 1 dan memasuki pada babak kedua perlawanan, skuad kebangsaan di bawah kendalian Ketua Jurulatih, Mario Rivera Campesino terus menggandakan asakan, seterusnya memberikan tekanan kepada pasukan Timor Leste.

Dengan melakukan serangan demi serangan, namun kesemua usaha pasukan negara masih gagal menemui rentak yang tepat dan tidak berhasil menjaringkan sebarang gol hingga wisel penamat dibunyikan oleh pengadil perlawanan.

Perlawanan ini turut menyaksikan dua pemain negara, iaitu Hakeme Yazid; dan Wafi Aminuddin, serta seorang pemain pasukan Timor Leste, Mouzinho Barreto De Lima, masing-masing dilayangkan kad kuning.

Walau bagaimanapun, kegigihan dan kerja keras skuad negara perlu diberikan pujian kerana mempamerkan mutu perlawanan yang sangat baik, serta diharap meraih kemenangan pada perlawanan peringkat Kumpulan AMEC 2022, yang dijadualkan berlangsung dari 20 Disember 2022 hingga 16 Januari 2023 nanti.



**BERANGKAT menyaksikan perlawanan, cucunda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim ibni Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah.**




**PASUKAN kebangsaan Negara Brunei Darussalam berjaya melayakkan diri ke Piala AFF Mitsubishi Electric (AMEC) 2022 setelah menang dengan catatan agregat, 6 - 3 dan akan berentap dalam Kumpulan 'A'.**

# 505 kes dilaporkan sembuh

**Oleh : Srinarawie Bidzah**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 8 November. - Sebanyak 505 kes disahkan sembuh, yang membawa jumlah keseluruhan kes yang sembuh meningkat kepada 240,297.

Menurut Infografik Status Harian Normal Baharu COVID-19 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan pada hari ini, sebanyak dua kes dilaporkan sedang berada dalam Kategori 4, iaitu mereka yang memerlukan bantuan oksigen dan di bawah pemantauan rapi.

Dalam masa yang sama, tidak ada kes turut dilaporkan dalam Kategori 5, iaitu mereka yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Intensif (ICU).

Setakat 8 November 2022, Program Vaksinasi masih kekal di tahap yang tinggi, iaitu sebanyak 86.4 peratus kanak-kanak yang berumur 5 hingga 11 tahun telah menerima dua dos vaksin manakala sebanyak 61.8 peratus remaja berumur 12 hingga 17 tahun telah menerima tiga dos vaksin.

Sementara itu, sebanyak 78.7 peratus rakyat dan penduduk negara ini telah mendapatkan tiga dos vaksin dan 10.9 peratus telah menerima empat dos vaksin COVID-19.

# Kajian Pengurusan Diabetis sedang dijalankan

**Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim**
**Foto : Hernie Suliana Haji Othman**

**>> Muka 1**

"Pada hari ini, tidak ada kes di dalam Kategori 5 yakni yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Intensif (ICU) manakala satu kes berada di dalam Kategori 4 iaitu yang memerlukan bantuan oksigen dan di bawah pemantauan rapi," terang Yang Berhormat.

Sehingga 6 November 2022, jelas Yang Berhormat, kadar liputan vaksinasi COVID-19 di Negara Brunei Darussalam kekal berada di tahap yang tinggi dengan 78.7 peratus daripada keseluruhan rakyat dan penduduk negara ini telah mendapatkan dos ketiga vaksin dan 10.9 peratus juga telah mendapatkan dos keempat.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan, pada hari ini, sebanyak 586 kes baharu telah dilaporkan iaitu 581 kes hasil ART dan lima kes adalah hasil dari 144 Ujian Makmal RT-PCR yang telah dilakukan dalam masa 24 jam yang lalu.

Sementara itu katanya, trend kes Influenza dan jangkitan serupa Influenza (Influenza-like Ilness - ILI) pada minggu lalu terus menunjukkan penurunan menuju ke paras normal.

Orang ramai tambahnya, adalah diingatkan untuk terus berwaspada dan mengambil langkah-langkah pencegahan seperti mengasingkan diri jika mengalami tanda-tanda jangkitan dan mengelakkan dari tempat-tempat yang penuh sesak.

Segera berjumpa doktor jika tanda-tanda jangkitan berterusan atau semakin teruk. Dapatkan suntikan Influenza, khususnya bagi mereka yang berumur 60 tahun ke atas dan mereka yang mempunyai masalah-masalah kesihatan.

Pada kesempatan ini, Yang Berhormat turut menjelaskan, Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa pada masa ini, Kementerian Kesihatan dengan kerjasama EVYD Technologies sedang menjalankan Kajian Pengurusan Diabetis (Diabetes Management Study) yang disasarkan untuk membantu individu yang menghidap Type 2 Diabetes dalam penjagaan diabetis masing-masing.

Antaralain, objektif kajian ini adalah bagi menilai keberkesanan kaedah-kaedah pengawalan secara digital dalam penjagaan diabetis.

"Penyertaan bagi kajian ini telah bermula sejak bulan April 2022 sehingga penghujung bulan ini di mana seramai 180 peserta disasarkan untuk menyertai kajian ini.

"Orang ramai adalah sangat dialu-alukan untuk menyertai kajian ini bagi membantu Kementerian Kesihatan menilai keberkesanan strategi-strategi dan program - program kesihatan yang disediakan di negara ini, khususnya berkenaan Penyakit-penyakit Tidak Berjangkit (NCDs) seperti diabetis.

"Orang ramai yang berminat dan didapati memenuhi kriteria-kriteria bagi kajian ini akan seterusnya dijemput untuk menyertai kaji selidik berkenaan.

"Peserta kajian akan menerima pemantauan kesihatan yang luas dan menyeluruh daripada jurulatih kesihatan profesional dan pakar pemakanan, pelan pengurusan tahap gula darah yang bersesuaian dan penjejak kecergasan pintar (*smart fitness tracker*).

"Orang ramai yang berminat untuk menyertai kajian ini boleh memohon melalui aplikasi BruHealth atau menghantar e-mel kepada *diabetesstudybn@gmail.com* atau menghubungi talian +673 7217047 atau +673 7217057," ujar Yang Berhormat.




**YANG Berhormat Menteri Kesihatan mengongsikan statistik terkini jangkitan COVID-19 pada Sidang Media Normal Baharu COVID-19, yang berlangsung di Dewan Al-Afiah, Kementerian Kesihatan.**

PELITA BRUNEI

# TINGKAT KEFAHAMAN FENOMENA GERHANA BULAN MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

**Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani**
**Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid**



**YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri ketika menunaikan Sembahyang Fardu Maghrib dan disusuli dengan Sembahyang Sunat Gerhana Bulan serta Sembahyang Fardu Isyak secara berjemaah, di Surau Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah.**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 8 November. - Bagi memberi peluang kepada orang ramai bagi sama-sama menyaksikan fenomena gerhana bulan penuh, Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (BKISHHB), Jabatan Perdana Menteri (JPM) dengan kerjasama Persatuan Astronomi Brunei Darussalam (PABD) petang tadi mengadakan cerapan gerhana bulan penuh yang diadakan di Kawasan Lapang Depan Bangunan BKISHHB, di sini.

Ia dibukakan kepada orang awam, terutama para peminat dan penggemar bidang astronomi, para pelajar, guru, kanak-kanak dan orang ramai serta ahli keluarga.

Acara bermula dengan aktiviti pencerapan gerhana bulan penuh yang mula dapat disaksikan sejurus sahaja bulan terbit pada jam 5.56 petang, diikuti dengan Sembahyang Fardu Maghrib dan disusuli dengan Sembahyang Sunat Gerhana Bulan serta Sembahyang Fardu Isyak secara berjemaah di Surau BKISHHB.

Acara dihadiri oleh Menteri di JPM, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd Yussof; Timbalan Menteri di JPM (Sekuriti dan Undang-undang), Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Sufian bin Haji Sabtu; dan Setiausaha Tetap Urustadbir dan Perkhidmatan Awam, Awang Ajman bin Haji Meludin.

Antara objektif utama cerapan gerhana bulan diadakan adalah bagi meningkatkan kefahaman orang ramai mengenai fenomena gerhana bulan dan pelbagai ilmu berkaitan dengan bidang astronomi menurut perspektif Islam.

Aktiviti ilmiah berkenaan juga bertujuan untuk menjunjung tinggi titah dan menanai hasrat murni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam menjadikan BKISHHB sebagai pusat warisan ilmu Islam, yang mampu untuk menghidupkan budaya ilmu melalui pelbagai aktiviti keilmuan sepertimana yang telah dititahkan pada Perasmian Majlis Ilmu 2019.

Selain itu, kolaborasi seperti ini juga bertujuan untuk melahirkan masyarakat yang berilmu, khususnya dalam bidang Sains Astronomi, terutama sekali Astronomi Islam (Falak Syarie), serta meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai kepentingan astronomi melalui pemahaman nas-nas Al-Quran dan As-Sunnah.

Aktiviti seumpama berkenaan akan diadakan secara berterusan dari semasa ke semasa mengikut kesesuaian.

Antara aktiviti-aktiviti ilmiah yang telah dirancang dan dipersetujui untuk diadakan secara kolaborasi oleh BKISHHB dan PABD adalah aktiviti cerapan bulan separa pertama (First Quarter), mencerap bintang (*stargazing*) dan mencerap planet seperti Mars, Jupiter, dan Saturn yang dijadualkan pada bulan Disember 2022; bengkel cara pembuatan dan mempelajari fungsi jam matahari (Sundial) pada tahun 2023; dan pameran berkala astronomi oleh PABD di ruang Galeri Pameran Istimewa di BKISHHB, khususnya sewaktu musim cuti persekolahan.

Sementara itu, menurut salah seorang Ahli PABD, Awang Haji Mohd. Azri bin Ibrahim, gerhana bulan terjadi disebabkan ada masanya matahari, bumi dan bulan selari.

"Cahaya dari matahari tidak nampak pada bulan disebabkan ditutup dengan bayang-bayang bulan dan bulan akan terlihat merah," ujarnya.





**ORANG ramai menyaksikan fenomena gerhana bulan penuh (kanan), sementara gambar kiri, Ahli PABD, Awang Haji Mohd. Azri bin Ibrahim ketika ditemu bual.**

# Jadikan fenomena gerhana satu iktibar, pengajaran

**Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama**



**YANG Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama antara yang menyertai Sembahyang Sunat Gerhana Bulan Berjemaah, di Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan.**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 8 November. - Gerhana merupakan suatu kejadian yang berlaku pada matahari dan bulan yang memperlihatkan keagungan dan kebesaran Allah Subhanahu Wata'ala sebagai tanda atau bukti kekuasaan-Nya, sepertimana terjadinya siang dan malam.

Apabila berlakunya gerhana, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam menganjurkan umat Islam supaya melakukan pelbagai perkara yang berkebajikan seperti berdoa, berzikir, sembahyang, bersedekah dan beristighfar.

Demikian antara inti pati kandungan Khutbah Khas mengenai fenomena gerhana bulan separa yang berlaku petang tadi.

Menurut khatib lagi, umat Islam seharusnya menjadikan fenomena gerhana sebagai satu iktibar dan pengajaran untuk meningkatkan kesedaran diri agar selalu ingat akan kebesaran dan kekuasaan Allah Subhanahu Wata'ala, memohon ampun kepada-Nya serta bertaubat atas segala dosa yang telah dilakukan.

Berikutan fenomena gerhana yang berlaku pada hari ini, semua masjid, surau dan balai ibadat seluruh negara mengadakan Sembahyang Sunat Gerhana Bulan Berjemaah, dengan tumpuan utama di Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan.

Mengimamkan Sembahyang Sunat Gerhana Bulan di masjid berkenaan, Pegawai Masjid, Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Awang Mohamad Hasnal bin Haji Mohamad.

Manakala, Khutbah Khas disampaikan oleh Penguasa Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Awang Zulkifli bin Haji Murat.

Turut menyertai para jemaah, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohd Tashim bin Pengiran Haji Hassan.

# KESIHATAN MENTAL PENTING DEMI KESEJAHTERAAN AWAM



YANG Berhormat Menteri Kesihatan ketika berucap pada majlis tersebut.

> Muka 1

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

Tegasnya lagi, Kesihatan Mental, seperti aspek kesihatan yang lain boleh terjejas dan dipengaruhi oleh pelbagai faktor sosioekonomi, termasuk kemiskinan, kekurangan perlindungan sosial, taraf kehidupan yang rendah, persekitaran kerja yang tidak sihat, akses pada pendidikan serta penjagaan kesihatan berkualiti dan sokongan komuniti yang terhad, keadaan kesihatan kronik, penggunaan alkohol serta dadah, dan keganasan dalam konflik, bencana alam serta situasi penderaan.

Oleh itu, Yang Berhormat menekankan, kesemua faktor itu perlu diberi perhatian dan ditangani melalui strategi yang komprehensif, termasuk promosi, pencegahan, rawatan dan pemulihan yang melibatkan pelbagai pihak berkepentingan dengan pendekatan 'Whole-of-Nation'.

"Di peringkat global, isu-isu berkaitan dengan Kesihatan Mental pada beberapa tahun kebelakangan ini adalah semakin membimbangkan. Pada tahun 2018, WHO menganggarkan satu daripada empat orang di seluruh dunia terjejas oleh gangguan mental pada satu ketika dalam kehidupan mereka. Ini bermakna kira-kira 450 juta orang mengalami gangguan mental, dan seterusnya meletakkan gangguan mental antara punca utama penyakit dan hilang upaya di seluruh dunia.

"Pada tahun 2019, jumlah ini dilaporkan meningkat kepada hampir satu bilion orang dan ini, termasuklah 14 peratus daripada remaja di seluruh dunia mengalami gangguan mental. Laporan terkini oleh WHO menekankan, bahawa kematian di kalangan orang yang mengalami gangguan mental ini terjadi 10 hingga 20 tahun lebih awal daripada penduduk umum; dan kebanyakannya disebabkan oleh penyakit kesihatan fizikal yang boleh dicegah, yang sering ditinggalkan tanpa pengawasan, terutamanya Penyakit-penyakit Tidak Berjangkit atau NCDs, seperti Kanser, penyakit Kardiovaskular, Diabetes dan jangkitan HIV) dan juga kejadian bunuh diri. Kejadian bunuh diri dianggarkan menyumbang lebih daripada 1 dalam 100 kematian dan ia menjadi penyebab utama kematian kedua di kalangan golongan muda, iaitu 15 hingga 29 tahun, di seluruh dunia," katanya.

Dengan tercetusnya gelombang pandemik COVID-19 dalam 2 tahun kebelakangan ini, jurang dan cabaran yang dihadapi oleh orang ramai serta sistem kesihatan, termasuk tenaga kerja kesihatan, tambahnya, menjadi lebih ketara, dalam menangani isu Kesihatan Mental, sekali gus mencerminkan keperluan untuk kecekapan yang lebih baik dan lebih berdaya tahan dalam sistem kesihatan dan dalam kalangan warga kita.

Di samping itu, lebih banyak bukti saintifik yang berkaitan dengan beban kesihatan mental di negara ini, ujarnya, perlu diwujudkan sebagai *baseline* sebagai asas bagi penghasilan dasar dan program Kesihatan Mental dan untuk memantau trend Kesihatan Mental dalam kalangan penduduk Negara Brunei Darussalam.

## Strategi holistik ke arah pencegahan masalah Kesihatan Mental

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 8 November. - Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar menegaskan, Penduduk Negara Brunei Darussalam (NBD) juga tidak terlepas daripada mempunyai risiko untuk menghidap gangguan mental.

Menurutnya, perangkaan yang diperoleh setakat ini menunjukkan, bahawa kemurungan (*depression*), keresahan (*anxiety*) dan stres merupakan gejala Kesihatan Mental yang kerap dihidapi dalam kalangan penduduk kita.

Malah, tambah Yang Berhormat lagi, apa yang memburukkan adalah semasa kita dilanda oleh gelombang pandemik COVID-19 dalam dua tahun kebelakangan ini.

Yang Berhormat menyatakan, pada masa ini, dianggarkan lebih kurang 7,000 individu dalam semua peringkat umur, termasuk kanak-kanak dan remaja sedang menjalani rawatan Kesihatan Mental di Jabatan Psikiatri, di hospital-hospital dan Pusat-pusat Kesihatan komuniti. Perkara ini juga menimbulkan kebimbangan apabila terdapat juga sebilangan orang yang nekad untuk membunuh diri.

Bahkan, pada tahun 2020 sahaja, terdapat 14 kematian, tegasnya, akibat bunuh diri dicatatkan, di mana enam daripadanya adalah terdiri dari warga tempatan dan penduduk tetap dan hanya tiga daripada kes kematian yang dilaporkan ini dicatatkan sebagai pernah mendapatkan Perkhidmatan Psikiatri dan Psikologi.

"Negara Brunei Darussalam menyedari akan kepentingan isu ini dan telah menunjukkan komitmen, bukan sahaja dalam mengatasi isu ini di peringkat negara, malah telah memberi pengiktirafan akan kepentingannya di peringkat global, di mana Negara Brunei Darussalam mengetuai kerjasama dalam Bidang Kesihatan Mental sebagai salah satu *deliverable,* di bawah kerjasama ASEAN semasa mempengerusikan Sidang Kemuncak ASEAN 2021.

"Justeru itu, sebagai kesinambungan kepada komitmen negara untuk mencapai strategi yang holistik dalam meningkatkan pencegahan masalah Kesihatan Mental di negara ini, Alhamdulillah, Kementerian Kesihatan telah menghasilkan Pelan Tindakan Kesihatan Mental Negara Brunei Darussalam 2022 - 2025 bersama-sama dengan pihak-pihak berkepentingan," ujar Yang Berhormat.

Pelan Tindakan yang mengandungi empat strategi utama ini, jelasnya, bukan sahaja mendokong matlamat Pelan Strategik Kementerian Kesihatan 2019-2023, bahkan juga memberi nilai tambah dengan lebih menekankan pada pendekatan Whole of Nation, dalam sama-sama menangani isu Kesihatan Mental, sekali gus melengkapi pelan-pelan tindakan kebangsaan lain, seperti Pelan Tindakan Keluarga, Wanita dan Kanak-kanak serta Pelan Tindakan Warga Emas, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Ini, terangnya, termasuklah memanfaatkan serta menggembleng sumber-sumber yang boleh diperoleh daripada sektor awam dan swasta serta Badan-badan Bukan Kerajaan dan perwakilan daripada kumpulan-kumpulan masyarakat.

Sementara itu, Yang Berhormat mengongsikan, Kementerian Kesihatan mencapai kemajuan yang memberangsangkan, dalam mewujudkan pelbagai perkhidmatan Kesihatan Mental untuk rakyat dan penduduk kita. Perkhidmatan-perkhidmatan yang dimaksudkan merangkumi penjagaan Kesihatan Mental melalui perkhidmatan kesihatan asasi sehingga penyediaan rawatan pesakit di perkhidmatan kesihatan tertari (hospital).

Perkhidmatan-perkhidmatan tersebut, tambahnya, diperluaskan lagi dengan Talian Bantuan dan Sokongan Kesihatan Mental, iaitu Talian Harapan 145 bagi memudahkan akses orang ramai pada bantuan kaunseling dan nasihat berkaitan isu Kesihatan Mental.

Di samping itu, penubuhan Unit Strategi Kesihatan Mental di Pusat Promosi Kesihatan, dalam beberapa tahun kebelakangan ini, saling melengkapi perkhidmatan-perkhidmatan tersebut dengan memfokuskan pada langkah-langkah promosi dan pendidikan Kesihatan Mental serta melihat pada strategi-strategi huluan yang boleh menangani faktor-faktor risiko yang menyumbang pada gangguan Kesihatan Mental.

> Muka 6

## Pelan Tindakan Kesihatan Mental 2022-2025 dilancarkan

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 8 November. - Tidak dinafikan, bahawa gangguan dan masalah kesihatan mental dilihat semakin meningkat dalam 10 tahun kebelakangan ini secara global serta peningkatan tersebut dipercepatkan lagi dengan kemunculan pandemik jangkitan COVID-19.

Stres, kadar kebimbangan dan kemurungan selepas tercetusnya pandemik jangkitan COVID-19 meningkat di seluruh dunia, dengan anggaran satu dalam setiap empat orang mengalaminya.

Walaupun semakin ramai yang membuka perbincangan tentang kesihatan mental, namun lebih banyak usaha diperlukan untuk memajukan strategi dan *intervention*, dalam menangani masalah kesihatan mental demi mengurangkan stigma, diskriminasi serta pencabulan hak asasi kemanusiaan terhadap mereka yang mempunyai masalah kesihatan mental.

Ini sejajar dengan salah satu inisiatif, di bawah Matlamat Strategik Dua Kementerian Kesihatan, iaitu mempromosikan kesihatan dan kesejahteraan mental yang baik untuk semua.

Sehubungan itu, Kementerian Kesihatan melancarkan Pelan Tindakan Kesihatan Mental 2022-2025, pada Majlis Pelancaran Buku Pelan Tindakan Kesihatan Mental Brunei Darussalam 2022-2025 dan Penandatanganan Memorandum 'Friends of HPC' bersempena Hari Kesihatan Mental Sedunia.

Acara pelancaran dan penandatanganan memorandum berkenaan diadakan di Dewan Serambi Suluh, Tarindak D'Seni, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat, seterusnya melancarkan acara tersebut, Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar.

Sejurus pelancaran, acara diteruskan dengan Penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU) di antara Kementerian Kesihatan melalui Pusat Promosi Kesihatan (PPK) bersama lima Badan-badan Bukan Kerajaan (NGO), iaitu Persatuan Bulan Sabit Merah Brunei Darussalam; Majlis Belia Brunei; Big Begawan; Cope For Hope; dan The Blue Raincoat Collective, yang disaksikan oleh tetamu kehormat majlis.

Penandatanganan memorandum tersebut bertujuan untuk memupuk kerjasama serta membuka peluang kepada NGO untuk sama-sama menaik taraf kapasiti sendiri dalam usaha untuk mencapai peningkatan pengetahuan dan kesedaran awam terhadap kepentingan kesihatan mental serta kesejahteraan dalam kalangan masyarakat.

Pelan Tindakan Kesihatan Mental Brunei Darussalam 2022-2025 ini mengandungi empat strategi utama, iaitu Memperkukuh kepimpinan dan tadbir urus yang berkesan untuk kesihatan mental; Mengukuhkan perkhidmatan kesihatan mental dengan memastikan ketersediaan serta kebolehcapaian perkhidmatan kesihatan mental yang berkualiti dan komprehensif; Mengukuhkan promosi kesihatan mental dan pencegahan gangguan mental; serta Membangun kapasiti sistem maklumat dan penyelidikan negara untuk kesihatan mental.

Penghasilan pelan tindakan kesihatan mental itu mengambil kira dan berdasarkan WHO Comprehensive Mental Action Plan 2013-2030 yang di keluarkan oleh pihak Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).



YANG Berhormat Menteri Kesihatan pada Majlis Pelancaran Buku Pelan Tindakan Kesihatan Mental Brunei Darussalam 2022-2025 dan Penandatanganan Memorandum 'Friends of HPC' bersempena Hari Kesihatan Mental Sedunia.

Pelaksanaan pelan tindakan tersebut akan dilaksanakan melalui pelbagai sektor melalui mekanisme Multi - Sectoral Task Force for Health, khususnya Cross Functional Team on Mental Health.

Ini adalah untuk memastikan keseragaman perancangan serta tindakan berkaitan kesihatan mental dan kesejahteraan dalam kalangan golongan sasaran secara amnya, serta kemudahan untuk sebarang pemantauan berkaitan kesihatan mental dan kesejahteraan di peringkat negara kemudian.

InsyaaAllah, Pelan tindakan ini juga akan digunakan sebagai rujukan bagi para profesional kesihatan dan sektor-sektor lain yang relevan serta berkaitan dengan kesihatan mental dan kesejahteraan di negara ini.

PELITA BRUNEI

# MEWUJUDKAN PERSEKITARAN KEMAJUAN MAPAN, BERDAYA TAHAN




**PAMERAN Menyelusuri 50 Tahun Perancang Bandar dan Desa di Negara Brunei Darussalam : Pencapaian, Cabaran dan Masa Depan mengetengahkan antara pencapaian, cabaran dan perancangan dalam membangun bandar dan desa sejak ditubuhkan pada tahun 1972.**

**>> Muka 1**

Dalam masa yang sama kata Yang Berhormat, negara juga perlu menangani fenomena global perubahan iklim, yang kesannya dapat dirasai pada masa ini.

Penglibatan daripada pelbagai sektor kerajaan yang berkepentingan, sektor swasta dan pihak awam tambah Yang Berhormat, juga adalah perlu dengan menekankan pendekatan yang lebih kreatif dan menyeluruh dalam mengenal pasti dasar perancangan guna tanah dan kawalan kemajuan yang *people-centric* dan *inclusive* bagi mewujudkan satu persekitaran kemajuan yang mapan dan berdaya tahan buat generasi masa kini dan masa hadapan.

"Justeru itu, keutamaan untuk memastikan persekitaran yang berkualiti, berdaya tahan serta selamat melalui kemajuan yang berperancangan dan sepadu adalah sangat dititikberatkan," ujar Yang Berhormat.

Atur cara terlebih dahulu dimulakan dengan ucapan alu-aluan daripada Pesuruhjaya Perancang Bandar dan Desa, Dayang Dr. Marsita binti Omar selaku Pengerusi Sambutan Majlis Jubli Emas JPBD.



**PESURUHJAYA Perancang Bandar dan Desa, Dayang Dr. Marsita binti Omar selaku Pengerusi Majlis Sambutan Jubli Emas Jabatan Perancang Bandar dan Desa menyampaikan ucapan alu-aluan.**

Menurutnya, banyak lipatan sejarah pembangunan Negara Brunei Darussalam dalam menerajui perancangan guna tanah dan kawalan kemajuan fizikal, dengan pencapaian serta cabaran kemajuan dapat diimbas kembali di sepanjang 50 tahun penubuhannya, iaitu sejak 1 Januari 1972.

"Walaupun cabaran kemajuan pada masa ini sangat berbeza jika dibandingkan dengan 50 tahun lalu, namun tujuan dan nilai murni perancangan guna tanah dan kawalan kemajuan masih dapat diteruskan khusus dalam mewujudkan satu persekitaran kemajuan yang teratur dan selamat, yang dapat memberi manfaat kepada kehidupan manusia yang progresif secara menyeluruh," jelasnya.

Majlis diteruskan lagi dengan tayangan video Sambutan Jubli Emas JPBD, diikuti penyampaian hadiah oleh tetamu kehormat majlis kepada pemenang Pertandingan Mencipta Logo Sambutan Jubli Emas, dan para pemenang Pertandingan Lukisan 'My Ideal City'.

Majlis diserikan dengan pameran 'Menyelusuri 50 tahun Perancang Bandar dan Desa di Negara Brunei Darussalam : Pencapaian, Cabaran dan Masa Depan' yang mengetengahkan antara pencapaian, cabaran dan perancangan jabatan berkenaan dalam membangun bandar dan desa sejak tahun 1972.

Selain itu, beberapa aktiviti sambutan juga telah diaturkan bertujuan untuk mengongsikan kepada orang ramai melalui aktiviti pameran, seminar, dan penerbitan sebuah buku 'Menyelusuri 50 Tahun Perancangan Bandar dan Desa di Negara Brunei Darussalam' yang dijadualkan pada Februari tahun hadapan.

Turut hadir, Setiausaha-setiausaha Tetap selaku Ahli Majlis Perancangan Guna Tanah Kebangsaan dan Setiausaha Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar) selaku Autoriti Perancang, serta ketua-ketua jabatan di bawah Kementerian Pembangunan.

## Strategi holistik ke arah pencegahan masalah Kesihatan Mental

**Oleh : Nooratini Haji Abas**

**>> Muka 5**

"Pada masa yang sama jua, saya amat menghargai usaha-usaha yang telah dan sedang dijalankan oleh pihak-pihak lain, dalam sama-sama menangani isu Kesihatan Mental, termasuk para Kaunselor yang bertugas di kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan lain serta para Psikologis dan Kaunselor dari pihak swasta dan kumpulan-kumpulan bukan kerajaan, yang menyediakan perkhidmatan dan intervensi yang seumpama," ucapnya pada Majlis Pelancaran Pelan Tindakan Kesihatan Mental Brunei Darussalam 2022-2025 dan Penandatanganan Memorandum 'Friends of HPC', di Dewan Serambi Suluh, Tarindak D'Seni, di sini.

Walau bagaimanapun, Yang Berhormat Menteri Kesihatan menekankan masih banyak lagi usaha-usaha yang perlu kita kendalikan bersama untuk memastikan kesihatan dan kesejahteraan mental yang baik untuk semua, serta menangani sebarang jurang dalam sistem kesihatan semasa.

Di sinilah, agenda Kesihatan Mental yang holistik, seperti yang digariskan dalam Pelan Tindakan Kesihatan Mental Brunei Darussalam 2022-2025, katanya, menjadi wadah penting untuk mencapai matlamat Kementerian Kesihatan dan Wawasan Negara Brunei Darussalam yang dihasratkan.

Oleh itu, Yang Berhormat menyeru kepada semua pihak berkepentingan di negara ini, dari pelbagai agensi dan dari semua lapisan dan sektor masyarakat untuk mengukuhkan kerjasama serta terus komited untuk memastikan kejayaan dan keberkesanan Pelan Tindakan tersebut, demi untuk kesihatan serta kesejahteraan mental yang baik dan sihat bagi rakyat serta penduduk negara kita.

"Pada masa yang sama, saya juga berbesar hati dengan penandatanganan memorandum 'Friends of Health Promotion Centre', pada pagi ini, di antara Pusat Promosi Kesihatan dan lima Badan-badan Bukan Kerajaan yang menyokong secara aktif inisiatif serta program Kesihatan Mental di kalangan masyarakat *kitani*, dan berharap ia akan dapat diperkembangkan lagi pada masa depan. Dengan langkah ini jua, insyaaAllah, kita akan dapat bersama mencapai matlamat Wawasan Negara Brunei Darussalam 2035, terutamanya dalam mencapai kualiti hidup tertinggi untuk semua Penduduk Negara Brunei Darussalam.

"Di kesempatan ini juga, saya dengan sukacita ingin mengongsikan satu lagi ciri baharu dalam aplikasi BruHealth yang dinamakan 'Health Index', yang mana fasa rintisnya akan dilancarkan dalam masa terdekat. Ringkasnya, Health Index merupakan sebuah inisiatif bagi menghasilkan skor kesihatan (*health score*) keseluruhan yang khusus bagi setiap individu berdasarkan beberapa parameter perubatan dan saringan faktor risiko kesihatan.

Saringan faktor risiko kesihatan adalah menggunakan soal selidik saringan yang disahkan (*validated screening questionnaire*), termasuk parameter berkaitan Kesihatan Mental, pemakanan, kegiatan fizikal dan penggunaan tembakau.

Dengan adanya ciri baharu itu nanti, Yang Berhormat berharap akan dapat membantu orang ramai untuk lebih peka akan pelbagai faktor risiko gaya hidup yang boleh menyumbang pada Penyakit Tidak Berjangkit dan gangguan Kesihatan Mental, serta mengambil langkah-langkah awal bagi menangani masalah-masalah tersebut.

## HALUAN

# 4 dekad hubungan diplomatik terus kukuh

**>> Muka 2**

Saya juga mengalu-alukan keputusan Mesyuarat B.O.J.C ketiga yang diadakan semalam di Negara Brunei Darussalam, di mana negara kita bersetuju untuk menghidupkan semula perbincangan bagi memfokuskan kerjasama kepada sektor ekonomi strategik utama. Mereka juga telah berjaya mengenal pasti potensi pelengkap dalam bidang pertanian, industri makanan, pelancongan dan penglibatan B2B, yang akan memberi manfaat bersama kepada rakyat dan ekonomi kita, *insyaaAllah*.

Penganjuran Dialog Pelaburan juga merupakan inisiatif yang dialu-alukan untuk sektor swasta dan tetamu jemputan lain untuk mengetahui tentang potensi perdagangan dan pelaburan di negara masing-masing.

Oleh itu, saya berharap peserta dari kedua-dua pihak akan mengambil kesempatan daripada peluang tersebut untuk melihat spektrum peluang perdagangan dan pelaburan yang lebih luas, dengan mengambil kira lokasi strategik Kesultanan Oman di Timur Tengah dan Negara Brunei Darussalam di rantau Asia.

Ini kemudian membawa saya ke titik seterusnya.

Walaupun situasi COVID-19 memberikan dorongan kepada kami untuk menggunakan kaedah digital dalam komunikasi harian kami, ia juga memberi kita menghargai semula interaksi bersemuka di antara peribadi dan hubungan.

Malah, hubungan dua hala yang kukuh antara negara kita disokong oleh hubungan rapat antara rakyat dengan rakyat melalui pertukaran pegawai kerajaan, pakar, ahli akademik, pelajar, antara lain. Penghargaan bersama untuk kekayaan warisan budaya negara kita juga ditunjukkan dalam penglibatan yang tinggi dalam sektor ini.

Negara Brunei Darussalam melihat kepentingan mengekalkan persahabatan ini kekal lama...bukan sahaja untuk generasi kini, tetapi juga untuk generasi akan datang.

Forum Pendidikan yang akan datang adalah salah satu daripada banyak contoh yang boleh kita lakukan. Saya percaya bahawa pertukaran pandangan yang berterusan tentang isu-isu baru muncul yang memberi kesan kepada warga kita seperti pendigitalan, dan perubahan iklim boleh memberikan pandangan dan inspirasi yang bermakna untuk potensi kerjasama.

Dalam hal ini, saya bersetuju tentang keperluan untuk menggalakkan lebih banyak interaksi dalam kalangan populasi belia kita seperti usahawan baharu, pemimpin muda, saintis, jurutera dan profesional, untuk menambah program semasa. Penggabungan minda belia yang segar ini bukan sahaja akan mengeratkan hubungan, memupuk inovasi, memupuk rasa hormat dan persefahaman bersama, tetapi juga akan membentuk hala tuju masa depan kerjasama kita.

Memandangkan persamaan yang dikongsi Negara Brunei Darussalam dan Oman, terdapat prospek yang baik untuk kemakmuran bersama negara dan rakyat kita.

Sehubungan itu, setinggi-tinggi tahniah saya ucapkan kepada Kedutaan Kesultanan Oman dan Universiti Brunei Darussalam kerana menjadi tuan rumah Dialog Kerjasama, dan saya mengucapkan selamat maju jaya.

Walaupun berjauhan, semangat kerjasama kita akan terus kukuh…dari Bandar Seri Begawan ke Muscat, dari Pasir Wahiba Kesultanan Oman hinggalah ke Permata Hijau Negara Brunei Darussalam.

*Shukran Jazilan*, Terima kasih.

*Wabillahit Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

# PESTA KONVO IBTE BUKA TIRAI







**SETIAUSAHA Tetap, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, Ir. Awang Haji Mohammad Nazri bin Haji Mohammad Yusof semasa melancarkan Pesta Konvo sempena Majlis Konvokesyen IBTE Ke-30 (atas dan kanan).**

**Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid**
**Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman**

**BERAKAS**, Isnin, 7 November. - Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) mengadakan Pesta Konvo sempena Majlis Konvokesyen IBTE Ke-30 selama tiga hari bermula hari ini yang berlangsung di School of Aviation, IBTE Kampus Sultan Saiful Rijal.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya melancarkan acara tersebut ialah Setiausaha Tetap, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC), Ir. Awang Haji Mohammad Nazri bin Haji Mohammad Yusof.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat, seterusnya diikuti dengan ucapan alu-aluan daripada Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Akademik) selaku Timbalan Pengerusi Pesta Konvo IBTE 2022, Awang Norjemee bin Jenek.

Dalam ucapan beliau berkata, inisiatif ini adalah sebahagian daripada usaha IBTE untuk mencapai visi dengan memberikan bakal graduan peendedahan kepada inisiatif-inisiatif yang sedia ada di dalam negeri dan memberikan bakal graduan bimbingan kerjaya melalui bengkel dan taklimat yang dikendalikan oleh rakan-rakan agensi dan industri.

Menurutnya, Pesta Konvo ini diharap akan dapat menjadi platform kepada bakal graduan untuk meningkatkan kemahiran sama ada dalam mencari pekerjaan pada masa hadapan ataupun meningkatkan lagi kemahiran dan ilmu pengetahuan mereka selepas tamat pengajian di IBTE.

"Terdapat beberapa siri aktiviti akan dianjurkan semasa pesta konvo ini, seperti mempamerkan projek inovatif oleh bakal graduan dan juga daripada para pelajar IBTE yang sedang mengikuti kursus pada masa ini," jelasnya.

Tetamu kehormat seterusnya menyaksikan petak-petak pameran dan gerai-gerai jualan.

Selain itu, pelbagai aktiviti telah disediakan sepanjang pesta ini dijalankan seperti mempamerkan projek inovatif oleh bakal graduan dan pelajar IBTE yang sedang dalam pembelajaran, bazar, kempen derma darah, taklimat pra-konvoksyen dan bengkel bimbingan kerjaya oleh rakan industri.

Pesta Konvo IBTE julung kali diadakan dan dibukakan kepada orang ramai bersempena Majlis Konvoksyen IBTE yang akan berlangsung pada 15 November 2022 di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.





**UCAPAN dari Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Akademik) selaku Timbalan Pengerusi Pesta Konvo IBTE 2022, Awang Norjemee bin Jenek (kiri) manakala gambar kanan, tetamu kehormat semasa menyaksikan pameran pada Pesta Konvo berkenaan.**

# DBP tubuh Sudut Bacaan untuk Peachtree Playhouse






**SETIAUSAHA Tetap (Kebudayaan) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melancarkan Sudut Bacaan Peachtree Playhouse, yang ditubuhkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, bagi memupuk minat membaca dalam kalangan kanak-kanak (atas dan kanan).**

**Berita dan Foto : Ihsan Dewan Bahasa dan Pustaka**

**SALAMBIGAR**, Isnin, 7 November. - Dalam usaha untuk memupuk minat membaca dan cintakan buku dalam kalangan kanak-kanak, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) telah menubuhkan Sudut Bacaan Khas untuk Peachtree Playhouse, di sini.

Sehubungan itu, Majlis Perasmian Sudut Bacaan Peachtree Playhouse disempurnakan oleh Setiausaha Tetap (Kebudayaan) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Pengiran Haji Mohd. Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan.

Sudut Bacaan tersebut merupakan salah satu perkhidmatan yang ditawarkan oleh Perpustakaan DBP dalam menyediakan koleksi bahan bacaan bersesuaian bagi memenuhi pembelajaran dan perkembangan kanak-kanak secara menyeluruh dengan memenuhi fizikal, sosial dan intelektual kanak-kanak.

Sudut Bacaan itu menyediakan bahan bacaan yang berkaitan dengan pembelajaran awal seperti buku bergambar (*picture book*) dan buku-buku cerita yang bersesuaian mengikut peringkat umur.

Purata kira-kira 100 hingga 200 buah buku dalam bahasa Inggeris disediakan dan buku-buku berkenaan akan ditukar setiap tiga hingga enam bulan sekali mengikut keperluan dan permintaan pihak Peachtree Playhouse.

# TDDB RAI SAMBUTAN HARI ULANG TAHUN KE-61



**PEMERINTAH TDDB, Brigedier Jeneral Dato Seri Pahlawan Saifulrizal bin Abdul Latif semasa pemeriksaan perbarisan pada majlis tersebut.**

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pertahanan

**PERKHEMAHAN LUMUT**, Selasa, 8 November. - Tentera Darat Diraja Brunei (TDDB) meraikan Hari Ulang Tahun penubuhannya ke-61 dengan upacara Kawalan Perbarisan yang terdiri daripada seramai 1,206 anggota bertempat di Batalion Ketiga TDDB (3Bn TDDB), Perkhemahan Lumut, baru-baru ini.

Hadir selaku tetamu kehormat, Pemerintah TDDB, Brigedier Jeneral Dato Seri Pahlawan Saifulrizal bin Abdul Latif.

Turut hadir, Timbalan Pemerintah TDDB, Pemerintah Medan TDDB serta para pegawai Kanan Tentera Darat dari Kementerian Pertahanan dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB).

Sejurus ketibaan, Pemerintah TDDB menerima tabik hormat daripada Kawalan Perbarisan yang diketuai oleh Pemangku Pegawai Pemerintah Sekolah Infantri TDDB, Mejar Faizal Azly bin Haji Rosli.

Ini diikuti dengan pemeriksaan perbarisan dan ucapan daripada Pemerintah TDDB.

Dalam ucapannya, Pemerintah TDDB melafazkan ikrar taat setia yang tidak berbelah bahagi ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sekali gus mengimbas detik-detik kegemilangan TDDB yang bersejarah dalam meniti usianya 61 tahun di bawah naungan baginda yang bijaksana demi memastikan TDDB terus berkembang maju dan pesat.

Ini terangnya lagi, dibuktikan daripada bermulanya detik perintis TDDB sehinggalah ke era pembangunan dan pemodenan selaras dengan visi TDDB iaitu 'Tentera Darat yang berkemampuan dan beradaptasi'.

Pemerintah TDDB juga turut mengumumkan penstrukturan ke atas Combined Arms Battalions (CABn), Rejimen Pengawal Diraja TDDB, Khidmat Pergigian TDDB, serta Khidmat Perubatan dan Kesihatan TDDB, atas titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

Beliau juga turut mengongsikan pencapaian TDDB di sepanjang tahun 2022 termasuk penauliahan bagi jawatan Pemerintah Medan TDDB berpangkat Kolonel, penubuhan Skuadron Bot Tempur dan pasukan Perisikan TDDB.

Pemerintah TDDB juga turut menekankan kepentingan untuk merujuk kepada Force Structure Review dan Force 2035 dalam meneroka dan menentukan perancangan masa depan TDDB serta 'Panduan Pemerintah' bagi tahun 2023.

Panduan Pemerintah berkenaan katanya diharapkan dapat menjadi pembakar semangat kepada semua lapisan warga TDDB dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang telah diamanahkan.

Pemerintah TDDB turut mengingatkan semua anggota supaya tidak leka, sentiasa mengambil kira hal ehwal semasa dan tidak mengambil mudah isu keselamatan dan sekuriti.

Sebelum mengakhiri ucapan, beliau merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Timbalan Menteri Pertahanan, Pemerintah ABDB, mantan Pemerintah ABDB, warga TDDB yang telah bersara atas khidmat dan sumbangan mereka selama ini, warga TDDB yang sedang berkhidmat di atas kesetiaan, kejujuran dan pengorbanan dalam berbakti menanai amanah serta kepada ahli keluarga anggota TDDB dan anggota awam yang sentiasa memberikan sokongan padu.

Majlis diikuti dengan penyampaian lencana oleh Pemerintah TDDB kepada anggota CABn bagi menandakan permulaan penubuhan CABn yang juga telah terlibat dalam latihan SEMANGAT BERSATU yang telah diadakan dari 11 hingga 31 Oktober 2022, disusuli dengan ikrar Tentera Darat daripada Barisan Kawalan Kehormatan, bacaan Doa Selamat dan sesi bergambar ramai.

Majlis kemudian diteruskan lagi dengan pemotongan kek sempena Hari Ulang Tahun TDDB Ke-61 bertempat di Mes Pegawai, Perkhemahan Lumut diikuti dengan jamuan petang dan bacaan Doa Penutup.

Bagi menyemarakkan lagi Sambutan Hari Ulang Tahun TDDB Ke-61, pelbagai aktiviti telah diungkayahkan termasuk Majlis Bertahlil di Kubah Makam Diraja pada 27 Oktober 2022 dan Majlis Doa Kesyukuran pada 3 November 2022.



**MAJLIS pemotongan kek sempena Hari Ulang Tahun Tentera Darat Diraja Brunei (TDDB) Ke-61, di Mes Pegawai, Perkhemahan Lumut.**

# Jumlah perdagangan Ogos 2022 meningkat 37.3 peratus

Siaran Akhbar dan Infografik : Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik







**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 8 November. - Jumlah perdagangan meningkat sebanyak 37.3 peratus daripada BND2,018.5 juta, pada Ogos 2021 menjadi BND2,771.3 juta, pada Ogos 2022, disumbangkan oleh kenaikan kedua-dua nilai eksport dan import di antara tempoh tersebut.

Berbanding Julai 2022, jumlah perdagangan menurun sebanyak 7.8 peratus, disebabkan oleh penurunan jumlah eksport dan import, terutamanya Bahan Api Galian.

Jumlah eksport meningkat sebanyak 35.3 peratus daripada BND1,246.4 juta, pada Ogos 2021 menjadi BND1,687.0 juta pada Ogos 2022. Ini, terutamanya disebabkan oleh peningkatan eksport Bahan Api Galian daripada BND1,013.4 juta menjadi BND1,405.5 juta, dalam tempoh yang sama. Di samping itu juga, eksport Bahan Kimia meningkat daripada BND213.1 juta menjadi BND250.0 juta, dalam tempoh yang sama.




Peningkatan eksport Bahan Api Galian didorong oleh peningkatan nilai eksport Minyak Mentah, Gas Cecair Asli (LNG) dan Produk Petroleum.

Peningkatan eksport Minyak Mentah, terutamanya disebabkan oleh peningkatan harga purata sebanyak 53.6 peratus daripada USD72.79 setong, pada Ogos 2021 menjadi USD111.81 setong, pada Ogos 2022.

Manakala, peningkatan eksport Gas Cecair Asli juga disebabkan oleh kenaikan harga eksport sebanyak 53.1 peratus daripada USD9.92 per MMBtu menjadi USD15.19 per MMBtu. Bagi eksport produk petroleum, ia telah mencatatkan peningkatan daripada BND400.7 juta menjadi BND756.8 juta, di mana komoditi utama adalah bahan api diesel automotif.

Dari segi komoditi eksport, Bahan Api Galian merupakan penyumbang utama pada eksport Negara Brunei Darussalam, iaitu 83.3 peratus, diikuti dengan Bahan Kimia (14.8 peratus) dan Jentera dan Kelengkapan Pengangkutan (0.7 peratus).

Pasaran eksport utama, pada Ogos 2022 adalah Malaysia dengan 23.2 peratus, diikuti oleh Australia (22.0 peratus), dan Singapura (18.8 peratus). Komoditi eksport terbesar ke negara Malaysia, Australia dan Singapura adalah Bahan Api Galian.

Jumlah nilai import meningkat daripada BND772.1 juta, pada Ogos 2021 menjadi BND1,084.3 juta, pada Ogos 2022, terutamanya disebabkan oleh peningkatan import Bahan Api Galian sebagai 'input' pengeluaran bagi industri petrokimia hiliran.

Lima komoditi import utama pada bulan ini adalah Bahan Api Galian dengan 62.1 peratus diikuti oleh Jentera dan Kelengkapan Pengangkutan (15.9 peratus), Makanan (6.7 peratus), Barang-Barang Keluaran Kilang (5.5 peratus) dan Bahan Kimia (5.2 peratus).

Sumbangan terbesar rakan dagangan import adalah dari Malaysia dengan 41.2 peratus, diikuti oleh Emiriah Arab Bersatu (13.7 peratus) dan Republik Rakyat China (11.2 peratus) dengan komoditi import terbesar adalah Bahan Api Galian.

Kebanyakan import negara iaitu sebanyak 59.0 peratus adalah digunakan sebagai Barangan Perantaraan bagi pemprosesan, diikuti oleh Barangan Modal (37.5 peratus) bagi operasi perniagaan dan Barangan Penggunaan (3.5 peratus) bagi kegunaan isi rumah.

Pengangkutan melalui laut menyumbangkan bahagian tertinggi bagi kedua-kedua eksport dan import berjumlah BND2,605.8 juta atau 94.0 peratus. Ini diikuti oleh pengangkutan udara (BND133.7 juta atau 4.8 peratus) dan melalui darat (BND31.7 juta atau 1.1 peratus).

Laporan Perangkaan Perdagangan Barangan Antarabangsa bagi Ogos 2022, boleh didapati melalui Laman Sesawang JPES, di *deps.mofe.gov.bn*.

# SEMAI SIFAT HARGAI ALAM SEKITAR





Berita dan Foto : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin

KETUA Pusat Kerjasama Sains Teknologi dan Alam Sekitar (STEP), Kementerian Pendidikan semasa melancarkan Aktiviti Project House Gardens dan Penyerahan Sistem Hydroponik, di Sekolah Sukan, Kampung Pulaie (kiri dan kanan).

**PULAIE,** Selasa, 8 November. - Dalam usaha untuk menyemai sifat menghargai dan memelihara alam sekitar di kalangan warga sekolah, Sekolah Sukan mengadakan Majlis Pelancaran Aktiviti Project House Gardens dan Penyerahan Sistem Hydroponik, yang berlangsung di sekolah berkenaan, Kampung Pulaie, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat, Ketua Pusat Kerjasama Sains Teknologi dan Alam Sekitar (STEP), Kementerian Pendidikan, Dayang Hajah Suriani binti Haji Noor Hashim.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, diikuti dengan Timbalan Pengetua Sukan menjemput tetamu kehormat untuk melawat tanaman yang baru ditanam.

Tetamu kehormat seterusnya dijemput untuk menyempurnakan Majlis Pelancaran Aktiviti Project House Gardens dan Penyerahan Sistem Hydroponik dengan memotong reben.

Aktiviti Project House Gardens di persekitaran kawasan Sekolah Sukan adalah salah satu initiatif sekolah untuk menubuhkan aktiviti hijau sekolah dengan mengikuti dasar Green School Initiative - Green School Spaces supaya dapat mewujudkan persekitaran sekolah yang hijau, bersih, sihat dan selamat.

Ia, antara lain bertujuan untuk memberikan peluang pengalaman kepada warga sekolah bagi mengetahui kelebihan menanam dan menjaga tumbuh-tumbuhan yang telah ditanam, serta menerapkan sikap bekerjasama dan bertanggungjawab di antara warga sekolah.

# Bariga maklumat, perkembangan serta kemajuan mukim



PEMANGKU Pengarah Penerangan semasa hadir pada Program Sua Muka bagi Kampung Tanjung Bunut, Mukim Kilanas, di Masjid Ar-Rahman Kampung Tanjung Bunut (atas), manakala gambar bawah, pegawai-pegawai daripada Jabatan Kerja Raya yang turut serta pada sesi dialog program berkenaan.




PEMANGKU Pengarah Penerangan, Dayang Sastra Sarini binti Haji Julaini bergambar ramai bersama wakil agensi kerajaan dari Jabatan Kerja Raya serta Penduduk Kampung Tanjung Bunut, pada Program Sua Muka tersebut.

Oleh: Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman
Foto: Hamzah Mohidin

**MUKIM KILANAS,** Selasa, 8 November. - Pelbagai isu berkaitan prasarana dan kemudahan awam antara yang dibangkitkan oleh para penduduk kampung semasa sesi dialog Program Sua Muka (Personal Contact) bagi Kampung Tanjung Bunut Mukim Kilanas, bertempat di Masjid Ar-Rahman Kampung Tanjung Bunut, Mukim Kilanas.

Program kelolaan Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Kemasyarakatan, Seksyen Komunikasi Strategik, Bahagian Penerbitan dan Komunikasi Strategik berkenaan adalah sebagai usahanya dalam menyampaikan maklumat mengenai pelbagai isu semasa dan dasar kerajaan serta dalam masa yang sama untuk menerima maklum balas yang perlu diambil perhatian dan tindakan oleh pelbagai agensi kerajaan yang berkenaan.

Selain itu, ia juga dihasratkan untuk meningkatkan hubungan dua hala antara pihak kerajaan dengan rakyat dan rakyat dengan pihak kerajaan serta membarigakan maklumat dan program serta perkembangan serta kemajuan mukim.

Hadir mengetuai rombongan pada program berkenaan, Pemangku Pengarah Penerangan, Dayang Sastra Sarini binti Haji Julaini.

Acara program dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat yang dipimpin oleh Ketua Imam Masjid Ar-Rahman, Kampung Tanjung Bunut, Awang Saufi bin Haji Suhaini.

Dalam ucapannya, Pemangku Pengarah Penerangan, antara lain mengongsikan mengenai penyebaran maklumat palsu pada era digital yang tular dengan begitu cepat melalui pelbagai aplikasi seperti Whatsapp, WeChat, Facebook, Twitter dan Instagram yang menyebabkan orang ramai berasa takut dan cemas.

Menurut beliau lagi, apa yang lebih membimbangkan jika maklumat palsu dan berunsur fitnah berkenaan diterima bulat-bulat tanpa merujuk kepada sumber yang sahih dan kemudiannya menjadi tular hingga boleh menjejaskan keharmonian masyarakat dan juga keselamatan negara.

Ia boleh membawa kepada tindakan di bawah perundangan: Penggal 148 Akta Ketenteraman Awam Seksyen 34, iaitu barang siapa sama ada melalui lisan atau tulisan atau apa cara sekalipun telah menyebarkan maklumat palsu atau membuat kenyataan palsu yang boleh menggemparkan atau menimbulkan keadaan cemas kepada pihak awam boleh didakwa dan dihukum penjara sehingga tiga tahun atau denda BND3,000.

Beliau berkata lagi, sesiapa sahaja melakukan atau mencuba untuk melakukan atau menyediakan atau bersubahat untuk menjalankan hasutan; menggunakan perkataan yang merupakan hasutan; mencetak; menyiarkan; menjual; menawarkan untuk menjual; mengedarkan atau mencetak semula sebarang hasutan; serta membawa masuk sebarang warta yang berbentuk hasutan kecuali dia tidak mempunyai sangkaan bahawa ia berbentuk hasutan maka mereka yang melakukan pelbagai kesalahan berkenaan boleh dikenakan hukuman penjara sehingga dua tahun dan denda BND5,000 seperti yang dinyatakan dalam Akta serta Penggal 24, Akta Hasutan Seksyen 4 (1).

Sementara itu, Pemangku Ketua Kampung Tanjung Bunut, Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Jumat, dalam ucapannya menyambut baik Program Sua Muka yang diusahakan oleh Jabatan Penerangan kerana program berkenaan sangat berharga dan bermanfaat kepada para penduduk Kampung Tanjong Bunut di samping sebagai platform bertukar-tukar fikiran dan pandangan dalam usaha ke arah kemajuan dan kesejahteraan kampung dan juga Negara Brunei Darussalam.

Turut hadir pada sesi dialog berkenaan ialah wakil agensi kerajaan, iaitu para pegawai dari Jabatan Kerja Raya, Kementerian Pembangunan.



# Ibadah Umrah Di Bulan Ramadhan




**(Dengan nama Allah, Segala puji bagi Allah, Selawat dan salam ke atas Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam*, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)**

**MENUNAIKAN** ibadah umrah hukumnya adalah wajib (fardhu *'ain*) sekali dalam seumur hidup sebagaimana hukum menunaikan ibadah haji. Namun ada kalanya ibadah haji atau umrah itu wajib dikerjakan lebih daripada sekali kerana sesuatu keperluan seperti nazar atau qadha'. Syarat-syarat wajib haji dan umrah ialah Islam, baligh, berakal, merdeka dan berkemampuan.

Dalil kewajipan menunaikan ibadah umrah itu sebagaimana firman Allah Ta'ala :

**Tafsirnya :** *Dan sempurnakanlah ibadat haji dan umrah kerana Allah semata-mata.*

(Surah al-Baqarah : 196)

Ibadah umrah boleh dikerjakan pada bila-bila masa sahaja di sepanjang tahun. Tidak ada waktu atau hari tertentu yang dihukumkan makruh untuk mengerjakannya sama ada dalam bulan-bulan haji atau selainnya.

Adapun orang yang sedang berihram haji yang masih belum selesai daripada perbuatan-perbuatan hajinya, ditegah daripada berihram untuk ibadah umrah. Sekiranya dia berihram umrah ketika sedang berihram haji, maka ihram umrahnya itu tidak sah.

Ibadah umrah sunat dikerjakan berulang kali, bahkan perkara tersebut adalah dianjurkan kerana memperbanyak ibadah umrah hukumnya sunat walaupun pengulangan itu di dalam tahun yang sama atau di dalam hari yang sama. Menunaikan ibadah umrah berulang kali tidak dihukumkan makruh kerana ibadah umrah adalah suatu ibadah yang mempunyai kedudukan yang agung dan banyak kelebihan.

Nabi *Shallallahu 'alaihi wasallam* sendiri telah mengerjakan umrah sebanyak dua kali di dalam satu tahun. Mengerjakan umrah berulang kali juga telah sabit dari perbuatan Sayyidatuna 'A'isyah *Radhiallahu 'anha* dan Ibn 'Umar *Radhiallahu 'anhuma*.

Antara kelebihan menunaikan ibadah umrah lebih dari sekali ialah menghapus dosa-dosa yang dilakukan di antara satu umrah kepada umrah yang berikutnya sebagaimana hadits daripada Abu Hurairah *Radhiallahu 'anhu* bahawa Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda :

**Maksudnya :** *Satu umrah kepada satu umrah yang berikutnya adalah kaffarah (penghapus bagi dosa yang dilakukan) di antara keduanya.*

(Hadits riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Dosa yang dihapuskan dalam tempoh waktu di antara dua umrah itu ialah dosa-dosa kecil.

**IBADAH umrah sunat dikerjakan berulang kali, bahkan perkara tersebut adalah dianjurkan kerana memperbanyak ibadah umrah hukumnya sunat walaupun pengulangan itu di dalam tahun yang sama atau di dalam hari yang sama. Menunaikan ibadah umrah berulang kali tidak dihukumkan makruh kerana ibadah umrah adalah suatu ibadah yang mempunyai kedudukan yang agung dan banyak kelebihan.**
**Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam sendiri telah mengerjakan umrah sebanyak dua kali di dalam satu tahun. Mengerjakan umrah berulang kali juga telah sabit dari perbuatan Sayyidatuna 'A'isyah Radhiallahu ‘anha dan Ibn 'Umar Radhiallahu 'anhuma.**
**Antara kelebihan menunaikan ibadah umrah lebih dari sekali ialah menghapus dosa-dosa yang dilakukan di antara satu umrah kepada umrah yang berikutnya sebagaimana hadits daripada Abu Hurairah Radhiallahu 'anhu bahawa Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam bersabda:**
**Maksudnya: Satu umrah kepada satu umrah yang berikutnya adalah kaffarah (penghapus bagi dosa yang dilakukan) di antara keduanya.**
**(Hadits riwayat al-Bukhari dan Muslim)**
**Dosa yang dihapuskan dalam tempoh waktu di antara dua umrah itu ialah dosa-dosa kecil.**

### Kelebihan Ibadah Umrah Di Bulan Ramadhan

Bulan Ramadhan adalah bulan yang sangat istimewa dan penuh dengan keberkatan. Memperbanyak amalan kebajikan dan ibadah dalam bulan ini seperti bersedekah, membaca al-Qur'an, sembahyang sunat, beriktikaf dan selainnya hukumnya adalah sunat *mu'akkadah* (sangat dituntut) lebih-lebih lagi pada sepuluh terakhir Ramadhan. Anjuran untuk memperbanyak ibadah dan amalan kebajikan dalam bulan ini kerana bulan Ramadhan mempunyai banyak kelebihan dan keutamaan antaranya ganjaran pahala dilipatgandakan dan ia bulan yang dipermudahkan untuk melakukan amalan kebajikan.

Memperbanyak ibadah umrah juga adalah dianjurkan dalam bulan Ramadhan, malah ibadah umrah di bulan Ramadhan adalah afdhal daripada ibadah umrah di bulan-bulan lain. Antara kelebihan umrah di bulan Ramadhan sebagaimana yang disebut dalam hadits daripada Umm Ma'qil *Radhiallahu 'anha* bahawa Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda :

**Maksudnya :** *Umrah di bulan Ramadhan (ganjaran pahalanya) menyamai (satu) haji.*

(Hadits riwayat at-Tirmidzi)

Hadits di atas adalah menjadi dalil bahawa menunaikan ibadah umrah dalam bulan Ramadhan kedudukannya adalah sama seperti melakukan satu haji dari segi ganjaran pahala. Walau bagaimanapun, mengerjakan ibadah umrah dalam bulan Ramadhan tidak bermakna ia menggugurkan kefardhuan (kewajipan) ibadah haji kerana ibadah umrah yang dikerjakan itu tetap tidak memadai untuk menggantikan ibadah haji yang fardhu.

Menurut sebahagian ulama lagi, ganjaran istimewa mengerjakan ibadah umrah pada bulan Ramadhan sebagaimana dalam hadits yang disebutkan di atas merupakan kelebihan dan ni'mat daripada Allah Ta'ala. Adapun melakukan ibadah umrah di bulan Ramadhan itu mempunyai kedudukan dan ganjaran yang sama seperti ganjaran satu ibadah haji adalah kerana gabungan ibadah umrah dengan bulan Ramadhan.

Menurut Imam Ibn Hajar al-Haitami *Rahimahullah*, untuk memperolehi ganjaran ibadah umrah pada bulan Ramadhan, memadai apabila seseorang berihram umrah dalam bulan Ramadhan, sekalipun ibadah umrahnya selesai pada bulan berikutnya iaitu bulan Syawal kerana yang diambil kira ialah permulaan waktu berihram umrah.

Sebagai contoh, seorang berihram ibadah umrah pada penghujung Ramadhan (sebelum terbenam matahari hari terakhir Ramadhan) dan dia menyempurnakan baki ibadah umrahnya itu dalam bulan Syawal, maka ibadah umrahnya itu dikira sebagai umrah Ramadhan dan dia memperolehi ganjaran yang disebutkan.

Sekiranya seorang berihram ibadah umrah dalam bulan Sya'ban dan dia sempurna menyelesaikan ibadah umrahnya itu dalam bulan Ramadhan, maka umrah tersebut tidak dikira sebagai umrah Ramadhan kerana yang diambil kira adalah permulaan waktu berihram umrah.

Sebagai kesimpulan, menunaikan ibadah umrah dalam bulan Ramadhan menjanjikan ganjaran yang sangat istimewa iaitu menyamai ganjaran satu ibadah haji. Untuk memperolehi ganjaran umrah di bulan Ramadhan, maka seseorang itu hendaklah berihram ibadah umrah dalam bulan Ramadhan.

# Hindari permusuhan, suburkan kasih sayang




**KASIH** sayang adalah asas paling penting untuk menggapai keharmonian dalam kehidupan bermasyarakat dan bernegara. Ianya terbina atas sifat rahmat Allah Subhanahu Wata'ala terhadap hamba-Nya dan kerana itulah manusia diciptakan. Sebagaimana firman-Nya dalam Surah Huud, ayat 118-119, mafhumnya :

*"Dan kalaulah Tuhanmu (wahai Nabi Muhammad) menghendaki, tentulah Dia menjadikan manusia umat yang satu (dalam agama Islam tetapi Dia tidak berbuat demikian) dan (kerana itulah) mereka sentiasa berselisih pendapat (dalam beragama). Kecuali orang-orang yang dikurniakan rahmat oleh Tuhanmu dan untuk itulah Allah menciptakan mereka".*

Diutuskan para nabi dan rasul untuk mengajak manusia kepada mentauhidkan Allah. Ajakan ini adalah selari dengan kesucian fitrah yang sempurna. Di sebalik kesempurnaan itu, ia adalah sebagai rahmat atau kasih sayang Allah kepada sekalian umat manusia, khususnya bagi mereka yang mengharapkan rahmat-Nya, di samping menginginkan kesejahteraan dunia dan akhirat. Antara bentuk rahmat yang dibawa oleh Islam ialah menerapkan sikap dan perasaan kasih sayang sesama makhluk. Islam menuntut umatnya mengamalkan sikap berkasih sayang dalam semua urusan. Sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Qasas, ayat 77, mafhumnya :

*"Dan carilah (pahala) negeri akhirat dengan harta kekayaan yang telah dikurniakan Allah kepadamu dan janganlah engkau melupakan bahagianmu daripada (kenikmatan) dunia. Dan berbuat baiklah sebagaimana Allah berbuat baik kepadamu serta janganlah engkau melakukan kerosakan di bumi, sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang melakukan kerosakan".*

Kasih sayang adalah asas keadilan dan kesaksamaan dalam hubungan sesama makhluk. Maka dengan sebab itu, Allah Subhanahu Wata'ala menyifatkan orang yang tidak mempunyai sikap *rahmah* sebagai golongan yang melakukan kerosakan dan kemusnahan.

Kita berperanan untuk menyuburkan budaya saling berkasih sayang dalam usaha mengeratkan silaturahim tanpa mengira agama, bangsa, dan keturunan. Sikap saling membenci dan bermusuhan di antara satu sama lain adalah penghalang utama kepada keharmonian dan kesejahteraan. Malah jika tidak dibendung, akan menghancurkan sesebuah masyarakat.

Sikap berkasih sayang hendaklah diterapkan dalam semua aspek, bukan sahaja terhadap sesama masyarakat malahan juga dalam tugasan atau pekerjaan, perniagaan dan sebagainya agar tidak berlaku kezaliman, penindasan, pertelingkahan dan ketegangan.

Tanamkan semangat dan azam untuk berhijrah ke arah menjadi hamba Allah yang bersifat pengasih dan penyayang dalam kehidupan seharian. Melalui Al-Quran, Allah Subhanahu Wata'ala telah menyatakan bahawa orang yang berhijrah adalah orang yang mengharapkan rahmat dan kasih sayang daripada Allah SubhanahuWata'ala. Firman Allah dalam Surah Al-Baqarah, ayat 218, mafhumnya :

*"Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan orang-orang yang berhijrah serta berjuang pada jalan Allah, mereka itulah orang-orang yang mengharapkan rahmat Allah. Dan Allah itu Maha Pengampun lagi Maha Pengasih".*

Memiliki hati yang penuh dengan kasih sayang serta berusaha untuk sentiasa melakukan kebaikan bukanlah suatu yang mudah. Seseorang itu terpaksa berjuang untuk mengekang ego dan menundukkan keangkuhan serta kesombongan diri, selain mengelakkan sikap mementingkan diri sendiri. Maka sewajarnya kita sebagai umat Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam mengamalkan kebaikan dan menyuburkan sikap berkasih sayang sesama makhluk sepertimana yang diajarkannya.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah At-Taubah, ayat 128, mafhumnya :

*"Demi sesungguhnya telah datang kepada kamu seorang Rasul (Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam) daripada golongan kamu sendiri, yang sangat mengambil berat terhadap kesusahan yang kamu tanggung, yang menginginkan kebaikan kepada kamu, sangat belas kasihan lagi pengasih terhadap orang-orang beriman".*

# WUJUDKAN KESEDARAN CIRI INDIVIDU CEMERLANG

**Siaran Akhbar dan Foto : Persatuan BASMIDA**




**YANG Dipertua Persatuan BASMIDA, Datin Hajah Masni binti Haji Mohd. Ali selaku Penasihat Peraduan Lukisan Keluarga semasa menyampaikan ucapan pada majlis tersebut.**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 8 November. - Persatuan BASMIDA mengadakan Majlis Penyampaian Hadiah bagi Peraduan Lukisan Keluarga sempena Hari Keluarga Kebangsaan 2022 anjuran Persatuan BASMIDA dengan Kerjasama Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB), di Parkview Hotel, Jerudong, baru-baru ini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Pemangku Penolong Pengarah Urusan YSHHB, Dayang Sufina binti Haji Sulaiman.

Peraduan Lukisan Keluarga ini membawa tema, 'Keluargaku' dengan sub temanya, Nilai mulia dan tinggi dalam keluarga; Saya sayangkan keluarga saya; Keluargaku harapanku masa hadapanku; dan Keluarga 'sakinah, mawaddah warrahmah'.

Naib Yang Dipertua Persatuan BASMIDA, Dayang Hajah Linda Aini Abdullah selaku Pengerusi Majlis dalam ucapan alu-aluannya berkata, peraduan ini telah mendapat sambutan yang sangat baik dan menggalakkan.

"Antara tujuan Peraduan Lukisan Keluarga adalah untuk mewujudkan kesedaran tentang ciri-ciri individu yang cemerlang, kreatif, pemedulian, mempunyai rasa kasih sayang dalam keluarga dan berwawasan dalam pelbagai aspek kehidupan dan mempunyai pendirian yang teguh dan mantap serta berwibawa," tambah beliau.

Dengan adanya peraduan ini, jelas beliau, ia dapat membukakan ruang dan memberikan peluang kepada ahli-ahli keluarga untuk bekerjasama dalam sebuah keluarga, khususnya dalam menciptakan daya kreatif masing-masing melalui peraduan lukisan ini mengikut sub tema yang telah disediakan.

"Di samping itu, ia adalah salah satu cara untuk menyatupadukan ahli-ahli keluarga agar dapat mengeratkan lagi hubungan silaturahim di antara ahli-ahli keluarga dan mewujudkan kesedaran mengenai kepentingan kasih sayang ke arah suasana harmoni serta sentiasa mengamalkan prinsip-prinsip membina keluarga bahagia dan menerapkan sikap prihatin dan pemedulian yang komited, saling bantu membantu, demi keharmonian dan kesejahteraan sebuah keluarga.




**MAJLIS Penyampaian Hadiah bagi Peraduan Lukisan Keluarga sempena Hari Keluarga Kebangsaan 2022 anjuran Persatuan BASMIDA dengan kerjasama Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) disempurnakan oleh Pemangku Penolong Pengarah Urusan YSHHB.**

Dalam ucapan itu juga, Pengerusi Majlis mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada semua peserta Peraduan Lukisan Keluarga sempena Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan 2022 dan kepada ibu bapa dan penjaga yang membimbing dalam menyertai peraduan ini.

Sementara itu, Yang Dipertua Persatuan BASMIDA, Datin Hajah Masni binti Haji Mohd. Ali selaku Penasihat Peraduan Lukisan Keluarga, dalam ucapannya menyatakan, peraduan ini mencapai matlamat serta sasarannya dengan sokongan peruntukan dari YSHHB.

"Sebagai makluman bersama, kegiatan Pendidikan Pencegahan Penyalahgunaan Dadah (Preventive Drug Education) adalah untuk menyahut seruan Biro Kawalan Narkotik, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam, bekerjasama di antara Government Organisation - GO; dan Non-Government Organisation - NGO, dalam mencegah penyalahgunaan dadah di negara ini ke arah membentuk keluarga dan rumah tangga yang penuh harmoni dan kukuh sebagaimana sebuah keluarga yang Sakinah, Mawaddah, Warahmah," tambah beliau.

Dalam pada itu, Persatuan BASMIDA juga merakamkan ribuan terima kasih kepada Biro Kawalan Narkotik yang bekerjasama, dengan menyerahkan kepada Persatuan BASMIDA sebanyak 150 naskhah buku Panduan untuk Ibu Bapa, yang diagih-agihkan di acara ini.

Acara diteruskan dengan Penyampaian Hadiah dan Sijil Penghargaan oleh tetamu kehormat majlis kepada 13 peserta Peraduan Lukisan Keluarga, iaitu mereka yang dikategorikan 'Cemerlang'.

Majlis diakhiri dengan Doa Selamat oleh Awang Haji Pudin bin Haji Ahmad.




## Kesihatan mental harus diberi perhatian

**MASALAH** kesihatan mental pada masa kini semakin meningkat dan banyak kesan yang buruk terjadi terhadap seseorang individu yang mengalaminya. Kesihatan mental menggambarkan tahap kesejahteraan pemikiran emosi setiap individu. Kesihatan mental juga bergantung kepada faktor individu, sosial dan persekitaran. Kesihatan mental tidak mengira usia seseorang individu tersebut dan ia harus diberi perhatian sepenuhnya sebelum menjadi parah.

Kesihatan tidak semestinya diberi perhatian terhadap kesihatan fizikal sahaja malahan kesihatan mental juga perlu diberi lebih perhatian. Kesihatan mental boleh terjejas disebabkan oleh pertukaran persekitaran secara mendadak, tekanan di tempat kerja, di rumah, di sekolah dan lain-lain.

Dengan itu, orang yang mempunyai kesihatan mental yang lemah boleh menyebabkan seseorang menghidapi penyakit mental. Orang yang mempunyai penyakit mental perlu dirawat dengan segera. Jika makin parah individu tersebut akan melakukan perbuatan yang di luar jangkaan kotak pemikiran seperti mencuba membunuh diri, mencederakan orang sekelilingnya, insomnia (sukar untuk tidur) dan sebagainya. Ekspresi emosi selalu terjadi kerana sukar mengawal dan menyesuaikan diri di dalam satu situasi yang baru dan tekanan hidup.

Kesihatan mental dan penyakit mental mempunyai perbezaannya. Seseorang individu yang normal mungkin menghadapi kesihatan mental setiap hari, akan tetapi mereka masih mampu menjalani aktiviti dan kehidupan seharian seperti biasa. Manakala seseorang yang menghidap penyakit mental, mereka mempunyai mental yang sangat lemah dan segala aktiviti seharian mereka boleh terjejas dan sukar mengawal emosi diri.

Oleh sedemikian itu, kepentingan kesedaran memelihara kesihatan mental amat diambil tahu untuk mendapatkan kesihatan mental yang baik kerana tidak ada kesihatan mental yang baik pada setiap hari dan tiada rawatan ubatan bagi kesihatan mental, akan tetap ia boleh dicegah dengan cara mengubah cara hidup atau mengamalkan gaya hidup yang sihat dengan melakukan aktiviti-aktiviti yang positif dan bermanfaat bersama rakan atau keluarga, memperbaiki strategi yang mampan untuk menangani masalah dan mendapatkan sokongan moral yang positif.

**Nama : Nurjuliaha binti Abdullah**
**No. K/P : 01-060XXX (K)**

### Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

**TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :**
1. **'Kukuhkan Institusi Keluarga Dengan Acuan Islam'.** Tarikh Tutup **: 9 November 2022**
2. **'Tingkatkan Kesedaran Penyakit Tidak Berjangkit'.** Tarikh Tutup **: 16 November 2022**
3. **'Suburkan Budaya Bergotong-royong'.** Tarikh Tutup **: 23 November 2022**

**Terma dan Syarat :**

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15 hingga 40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200** hingga **300** patah perkataan.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap** dan **nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

**SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA**
**Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan**
**Lapangan Terbang Lama, Berakas**
**Bandar Seri Begawan, BB3510**
**Negara Brunei Darussalam.**
**atau melalui**
**E-mel :** ***pelita.brunei@information.gov.bn***

**Menangi BND75 SETIAP MINGGU**

**Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang**

# PERSIAPKAN DIRI KERJAKAN IBADAH HAJI

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Masri Osman

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 7 November. - Haji merupakan Rukun Islam kelima yang wajib ditunaikan oleh umat Islam yang berkemampuan untuk mengerjakannya.

Justeru itu, dalam usaha memberi kefahaman kepada warga perkhidmatan awam mengenai hal ehwal pengurusan haji serta kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh kerajaan berhubung tuntutan ibadah Haji, Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui Jabatan Urusan Haji mengadakan program 'Ke Arah Warga Perkhidmatan Awam Yang Arif Tentang Rukun Islam Kelima'.

Program berlangsung di Dewan Multaqa, Bangunan Tambahan Kementerian Hal Ehwal Ugama, di sini.



**SERAMAI 131 peserta, terdiri daripada pegawai dan kakitangan perkhidmatan awam menyertai program 'Ke Arah Warga Perkhidmatan Awam Yang Arif Tentang Rukun Islam Kelima' untuk memberi kefahaman mengenai hal ehwal pengurusan haji serta kemudahan-kemudahan, yang disediakan oleh kerajaan berhubung tuntutan ibadah haji.**

Ia diadakan untuk memberi kesedaran kepada warga perkhidmatan awam agar mempersiapkan diri lebih awal untuk mengerjakan ibadah Haji, bukan hanya persiapan dari segi kewangan, bahkan dari segi ilmu dan kesihatan.

Dengan adanya pengetahuan tentang kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh pihak kerajaan juga dihasrat akan dapat mendorong warga perkhidmatan awam untuk menyegerakan pelaksanaan ibadah Haji.

Seramai 131 peserta menyertai program ini, terdiri daripada pegawai dan kakitangan perkhidmatan awam yang belum pernah menunaikan Haji.

Program dijalankan selama sehari dan mengandungi dua sesi, di mana sesi pertama adalah taklimat pengenalan mengenai Jabatan Urusan Haji dan kewajipan Haji, disampaikan oleh Pemangku Penolong Pengarah Urusan Haji, Dayang Hajah Zunainah binti Haji Gunong.

Manakala sesi kedua adalah penerangan mengenai pengurusan Haji dan kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh pihak kerajaan, disampaikan oleh



**TAKLIMAT pengenalan mengenai Jabatan Urusan Haji dan kewajipan Haji disampaikan oleh Pemangku Penolong Pengarah Urusan Haji, Dayang Hajah Zunainah binti Haji Gunong.**

Pegawai Pelajaran Ugama di Jabatan Urusan Haji, Awang Haji Mohd. Hisham bin Awang Haji Maidin.

Selain itu, program juga diisikan dengan tayangan klip video 'Perjalanan Jemaah Haji Negara Brunei Darussalam bagi Tahun 1443 Hijrah / 2022 Masihi'.

# Jadikan zikir amalan harian, pohon keberkatan



Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 7 November. - Bersesuaian dengan identiti Masjid Omar 'Ali Saifuddien sebagai 'Raudhah al-Zikr', Masjid Omar 'Ali Saifuddien mengadakan Majlis Penutup Halaqah Zikir Bagi Pegawai dan Kakitangan Kerajaan serta Syarikat Swasta bagi Tahun 2022.

Program seumpama ini diadakan sekali dalam sebulan, iaitu pada minggu pertama setiap bulan semenjak tahun 2013.

Antara tujuan acara ini diadakan adalah untuk menyahut hasrat dan titah perutusan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah Negara Zikir.

Selain itu, bagi merealisasikan identiti Masjid Omar 'Ali Saifuddien sebagai 'Raudhah al-Zikr'.

Di samping menjadikan zikir itu





**MAJLIS Penutup 'Halaqah Zikir Bagi Pegawai dan Kakitangan Kerajaan serta Syarikat Swasta' bagi Tahun 2022, yang diadakan di Masjid Omar 'Ali Saifuddien (atas, kiri dan bawah kiri).**

sebagai amalan harian setiap kakitangan jabatan-jabatan kerajaan, syarikat-syarikat swasta, acara ini juga dihasrat untuk sama-sama berdoa semoga Negara Brunei Darussalam, khasnya jabatan-jabatan kerajaan, syarikat-syarikat swasta akan sentiasa diberkati Allah, mencapai kejayaan, diluaskan pintu rezeki, dijauhi daripada sebarang bala bencana dan akan menjadi jabatan atau syarikat yang menitik beratkan nilai-nilai Islam yang unggul.

Halaqah Zikir ini diketuai oleh Pegawai-pegawai Masjid Omar 'Ali Saifuddien, terdiri daripada Pehin-pehin Khatib dan Mudim-mudim. Manakala antara pengisian dalam halaqah zikir tersebut pula ialah sembahyang Sunat Hajat Berjemaah, bacaan surah-surah dan zikir-zikir pilihan, tazkirah, seterusnya bacaan Doa Khas.

Program yang diungkayahkan oleh Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Omar 'Ali Saifuddien tersebut dimulakan dengan Sembahyang Sunat Hajat, diimamkan oleh Pegawai Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Awang Haji Hamdini bin Haji Garip. Kemudian bacaan Surah Yaa Siin beramai-ramai, dipimpin oleh Begawan Mudim Haji Amran bin Haji Md. Salleh.

Acara pada pagi tersebut turut diserikan dengan Tazkirah, disampaikan oleh Penolong Pensyarah I-Ready, Pusat Bahasa Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Awang Md. Yadey bin Haji Mat Yassin.

Sebelum bersurai bacaan Doa Khas bagi halaqah zikir tersebut dibacakan oleh Begawan Mudim Haji Amran, diikuti dengan penyampaian cenderahati kepada Tenaga Pengajar Kelas Al-Quran dan Muqaddam masjid berkenaan, yang telah bersara oleh Pegawai Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Awang Mohammad Hasnal bin Haji Mohammad selaku Guru Penghubung Kelas Al-Quran dan Muqaddam Masjid Omar 'Ali Saifuddien.

Turut hadir pada majlis penutup halaqah zikir tersebut, Penguasa Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Awang Zulkifli bin Haji Murat, pegawai dan kakitangan kerajaan dan syarikat swasta.

Semoga dengan adanya Program Halaqah Zikir Masjid Omar 'Ali Saifuddien ini diharap akan dapat mencapai tujuan dan matlamat yang dihasrat, demi untuk memantapkan lagi pegangan serta keimanan para peserta dan semoga Negara Brunei Darussalam, khasnya jabatan-jabatan kerajaan serta syarikat-syarikat swasta akan sentiasa diberkati Allah Subhanahu Wata'ala mencapai kejayaan, diluaskan pintu rezeki, dijauhi daripada sebarang bala bencana dan akan menjadi jabatan atau syarikat yang menitikberatkan nilai-nilai Islam yang tulen serta unggul.

# UBD TERUS PERKASA PENDIDIKAN KEUSAHAWANAN

**Siaran Akhbar : Universiti Brunei Darussalam**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 7 November. - Universiti Brunei Darussalam (UBD) baru-baru ini diterima sebagai Ahli Babson Collaborative for Entrepreneurship Education.

Ini adalah sebahagian daripada usaha universiti untuk mengembangkan keupayaan dan kapasiti pendidikan keusahawanan di universiti.

Kolej Babson ialah peneraju global dalam pendidikan keusahawanan, disenaraikan sebagai sekolah prasiswazah No.1 dan MBA bagi keusahawanan untuk kali ke-26 dan 29 berturut-turut.

Sekolah Perniagaan dan Ekonomi UBD (UBDSBE) akan bertindak sebagai fakulti fokus untuk kerjasama ini.

Sebagai ahli, UBD akan dibekalkan dengan alat dan sumber pendidikan keusahawanan terkemuka untuk membantu memajukan kaedah pengajaran, penyelidikan serta keupayaan perundingan.

Kemasukan ke dalam kepelbagaian ekosistem keusahawanan, keahlian menghubungkan fakulti bersama institusi pengajian tinggi lain, sekolah perniagaan dan kejuruteraan, sekolah seni liberal serta kolej komuniti dari seluruh dunia. Sehingga kini, Babson Collaborative mempunyai 35 ahli semasa dari 22 negara.

Para ahli diberi akses pada platform dalam talian untuk penglibatan ahli; perpustakaan akademik, Webinar, direktori ahli, surat berita; dan platform untuk berkongsi minat penyelidikan, mengakses sumber serta mencadangkan projek penyelidikan bersama.

Kumpulan Penyelidikan Kerjasama memajukan penyelidikan tentang topik yang paling penting kepada ahli, termasuk ekosistem keusahawanan, inovasi terbuka dan keusahawanan sosial. Usaha ini adalah selaras dengan agenda negara dalam pendidikan, di mana keusahawanan serta inovasi merupakan salah satu tonggak penting ke arah pertumbuhan pelajar.

Faedah lain, termasuk penyertaan dalam The Babson Collaborative Annual Global Summit yang menghimpunkan pendidik keusahawanan dari seluruh dunia untuk berkongsi amalan terbaik, dalam pedagogi dan memajukan kepimpinan pemikiran.

Dalam Global Student Challenge tahunan, pelajar dari institusi ahli, bersaing dalam analisis kebolehlaksanaan konsep perniagaan baharu, yang menangani salah satu teras Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) PBB melalui pendidikan berkualiti (SDG 4).

UBD memberi penekanan pada perjalanan keusahawanan sejak penubuhan Entrepreneurship Village (EV) pada 2013, platform yang menerajui inisiatif pendidikan keusahawanan Kementerian Pendidikan melalui Agenda Keusahawanan Kebangsaan (NEA).

UBD memerhati ekosistem Babson melalui lensa Simposium untuk Pendidik Keusahawanan (SEE) pada Jun 2013 dan sejak itu mula mencuba dan merintis metodologi dan pedagogi, sambil menghasilkan kesan yang disahkan serta kisah kejayaan melalui inisiatif Pay-It-Forward.




Babson Collaborative ialah organisasi keahlian pendidikan keusahawanan global yang menghubungkan universiti di seluruh dunia, membina dan mengembangkan ekosistem keusahawanan mereka.

Ia berada di kedudukan pertama dalam Pendidikan Keusahawanan selama lebih 25 tahun berturut-turut, dalam memajukan pendidikan keusahawanan serta Pemikiran dan Tindakan Keusahawanan, di seluruh dunia.

# JPES keluarkan Laporan BPP 2021




**Siaran Akhbar dan infografik : Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 8 November. - Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES) mengendalikan Banci Penduduk dan Perumahan (BPP) 2021, bermula dari Januari hingga Disember 2021.

Objektif utama BPP 2021 adalah untuk mengumpulkan maklumat yang lengkap dan terkini mengenai jumlah penduduk serta isi rumah di negara ini dan ciri-ciri demografi, sosial serta ekonomi penduduk, di samping untuk mengumpulkan maklumat yang lengkap dan terkini mengenai jumlah perumahan serta ciri-ciri keadaan perumahan tersebut dan kemudahan-kemudahan isi rumah di negara ini.

JPES mengeluarkan Laporan BPP 2021 : Ciri-ciri Demografi, Isi rumah dan Perumahan berasaskan data muktamad serta memaparkan data akhir mengenai bilangan dan ciri-ciri utama demografi penduduk, di samping maklumat mengenai keluarga atau isi rumah serta tempat kediaman di Negara Brunei Darussalam, pada tahun 2021.

Oleh itu, data ini menggantikan data dalam Laporan Kiraan Awal Jumlah Penduduk Tahun 2021, yang dikeluarkan pada Oktober 2021.

Penemuan-penemuan utama yang dimuatkan di dalam Laporan BPP 2021 ini adalah jumlah Penduduk Negara Brunei Darussalam semasa BPP 2021 adalah seramai 440,715 orang, berbanding dengan 393,372 orang semasa BPP 2011, iaitu purata tahunan sebanyak 1.1 peratus dalam tempoh 2011-2021.

Jumlah penduduk ini, terdiri daripada 232,194 lelaki (52.7 peratus) dan 208,521 perempuan (47.3 peratus). Nisbah jantina adalah seramai 111 lelaki bagi setiap 100 perempuan.

Mengikut taraf penduduk, Rakyat Brunei merupakan bahagian terbesar sebanyak 75.7 peratus (333,669 orang), manakala agihan Penduduk Tetap dan Penduduk Sementara adalah masing-masing sebanyak 5.9 peratus (25,834 orang); dan 18.4 peratus (81,212 orang).

Daerah Brunei dan Muara (DBM) mempunyai penduduk yang paling ramai sebanyak 72.3 peratus (318,530 orang) daripada jumlah penduduk. Ini diikuti oleh Daerah Belait (14.9 peratus atau 65,531 orang), Daerah Tutong (10.7 peratus atau 47,210 orang) dan Daerah Temburong (2.1 peratus atau 9,444 orang).

Dari aspek taburan umur, 20.5 peratus (90,376 orang) daripada jumlah penduduk adalah berumur di bawah 15 tahun, 73.2 peratus (322,445 orang) adalah penduduk dalam kumpulan umur bekerja 15-64 tahun, dan 6.3 peratus (27,894 orang) adalah penduduk yang berumur 65 tahun dan ke atas. Umur penengah (median) pada tahun 2021 adalah 31.7 tahun.

Bangsa Melayu merupakan komuniti terbesar di negara ini pada kadar 67.4 peratus (297,016 orang) daripada jumlah penduduk. Bangsa Cina dan lain-lain bangsa masing-masing, terdiri daripada 9.6 peratus (42,132 orang) dan 23.0 peratus (101,567 orang) daripada jumlah penduduk.

Majoriti penduduk negara ini adalah beragama Islam, merangkumi sebanyak 82.1 peratus (362,035 orang) pada tahun 2021.

Dari jumlah penduduk yang berumur 15 tahun dan ke atas, lebih daripada separuh, iaitu sebanyak 55.4 peratus atau 193,965 orang telah berkahwin, manakala 38.6 peratus atau 135,137 orang adalah masih bujang.

Lebih tiga suku (79.2 peratus atau 349,135 orang) daripada jumlah penduduk dalam tahun 2021 dilahirkan di Negara Brunei Darussalam, termasuk 6,699 Penduduk Sementara. Bilangan penduduk kelahiran asing ialah seramai 91,580 orang, yang merupakan 20.8 peratus daripada jumlah penduduk.

Daripada bilangan ini, 18.6 peratus (17,067 orang) adalah Rakyat Brunei dan Penduduk Tetap yang telah dilahirkan di luar negara.

DBM merupakan daerah yang paling padat dengan 558 orang bagi setiap kilometer persegi kawasan tanah. Daerah Belait mempunyai hanya 24 orang bagi setiap kilometer persegi.

Manakala Daerah Tutong dan Daerah Temburong, masing-masing mempunyai kepadatan 40 orang setiap kilometer persegi dan tujuh orang setiap kilometer persegi. Secara keseluruhan, Negara Brunei Darussalam masih mempunyai kepadatan penduduk yang rendah dengan 76 orang bagi setiap kilometer persegi.

Sementara itu, bagi perumahan dan isi rumah, semasa Banci 2021, tempat kediaman atau unit perumahan yang didiami di Negara Brunei Darussalam adalah sebanyak 83,810 buah, peningkatan sebanyak 18,417 dari Banci 2011.

DBM mempunyai bilangan tempat kediaman yang didiami yang tertinggi sebanyak 59,472 buah (71.0 peratus).

Jumlah keluarga atau isi rumah pada tahun 2021 adalah sebanyak 87,137, berbanding dengan 68,237 semasa Banci 2011.

Saiz purata isi rumah adalah seramai 5.1 orang ahli.

Dari segi Taburan dan Pertumbuhan Penduduk, mengikut kampung di mana jumlah penduduk mengikut kampung menunjukkan perbezaan yang ketara semasa tempoh 2011-2021.

Lima kampung teratas yang mempunyai jumlah penduduk tertinggi, iaitu Perumahan Negara Kampung Panchor, DBM (13,358 orang atau 3.0 peratus); Kampung Tanah Jambu, DBM (11,695 orang atau 2.7peratus); Kampung Panaga, Daerah Belait (10,301 orang atau 2.3 peratus); Kampung Bukit Beruang, Daerah Tutong (9,835 orang atau 2.2 peratus); dan Kampung Meragang, DBM (9,190 orang atau 2.1 peratus).

Manakala, di antara lima kampung teratas yang mencatatkan kadar pertumbuhan penduduk yang tinggi adalah Kampung Sabun, DBM (10.4 Peratus); Kampung Lugu, DBM (10.2 peratus); Perumahan Negara Lumut Kawasan 2, Daerah Belait (7.8 peratus); Perumahan Negara Kampung Panchor, DBM (5.2 peratus); dan Kampung Sengkurong 'B', DBM (4.8 peratus).

Antara faktor utama yang mempengaruhi pertumbuhan penduduk di kampung tersebut adalah disebabkan oleh bertambahnya bilangan penduduk di kawasan perumahan negara.

Anggaran Penduduk Pertengahan Tahun (Mid-Year Population Estimates) bagi tahun 2017 hingga 2020 yang dikeluarkan adalah juga disemak semula berasaskan data akhir BPP 2021. Perangkaan ini akan dimuatkan di dalam Brunei Darussalam Statistical Yearbook (BDSYB) 2021.

Laporan BPP 2021 : Ciri-ciri Demografi, Isi rumah dan Perumahan boleh didapati melalui Laman Sesawang JPES.

Sebarang pertanyaan mengenai perkara ini, bolehlah dirujuk ke JPES dengan menghubungi talian +673 2233344 (waktu pejabat) atau e-mel ke *info.statistics@jpes.gov.bn* atau melayari laman sesawang, *deps.mofe.gov.bn*.

**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN**

DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG-PEMBORONG YANG BERDAFTAR DENGAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DI DALAM

Kelas :
III, IV DAN V SAHAJA

Kategori :
KA01 & M03 SAHAJA
- KOD BAHARU

Bilangan Tawaran :
JKR / DDS 018 / 2022 - (SEW).T.IV

Nama Projek :
KONTRAK BERMUSIM TIGA (3) TAHUN 'INTEGRATED' BAGI KERJA-KERJA RANCANGAN PENCEGAHAN DAN PEMBAIKAN STESEN PENGEPAM PEMBETUNGAN DI KAWASAN TADAHAN GADONG DAN MATA-MATA

Yuran Tawaran :
BND100.00
(Tidak dikembalikan)

Yuran E-Dokumen :
BND5.00

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran Pada :
Selasa,
29 November 2022

Tarikh Tutup :
Selasa, 13 Disember 2022,
Tidak lewat dari jam 2.00 Petang

---

**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN**

DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG-PEMBORONG YANG BERDAFTAR DENGAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DI DALAM

Kelas :
IV / V

Kategori :M01

Bilangan Tawaran :
JKR / DME / BOP-ACM / 26 / 2022

Nama Projek :
KERJA-KERJA PENGGANTIAN BAGI SISTEM PENGHAWA DINGIN 'DX UNIT' DI KOMPLEKS KEMENTERIAN KESIHATAN, COMMONWEALTH DRIVE, BANDAR SERI BEGAWAN

Yuran Tawaran :
BND30.00 (Tidak dikembalikan)

Kelas :
AGEN / PENJUAL KENDERAAN BERMOTOR BAHARU

Kategori :
AGEN / PENJUAL KENDERAAN BERMOTOR BAHARU

Bilangan Tawaran :
JKR / DME / BOP-ME / 28 / 2022

Nama Projek :
MEMBEKAL LIMA (5) UNIT KENDERAAN '5-SEATERS 4WD', JABATAN PERKHIDMATAN MEKANIKAL DAN ELEKTRIKAL, JABATAN KERJA RAYA

Yuran Tawaran :
BND30.00(Tidak dikembalikan)

Bilangan Tawaran :
JKR / DME / BOP-ME / 29 / 2022

Nama Projek :
MEMBEKAL LIMA (5) UNIT KENDERAAN '7-SEATERS 4WD', JABATAN PERKHIDMATAN MEKANIKAL DAN ELEKTRIKAL, JABATAN KERJA RAYA

Yuran Tawaran :
BND50.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran Pada :
Selasa, 22 November 2022

Tarikh Tutup :
Selasa, 6 Disember 2022,
Tidak lewat dari jam 2.00 Petang

---

**JABATAN DAERAH TUTONG
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

Bilangan Tawaran :
Q.JDT / 48 / 2022

Tajuk Tawaran :
SEBUT HARGA BAGI KERJA-KERJA PEMOTONGAN RUMPUT DAN POKOK DALAM KAWASAN DI BAWAH KAWALAN JABATAN DAERAH TUTONG

Yuran Tawaran : BND5.00

SYARAT-SYARAT TAWARAN :
Rabu,
30 November 2022 jam 2.00 Petang

---

**JABATAN ALAM SEKITAR,
TAMAN DAN REKREASI
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN**

DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG-PEMBORONG DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Kelas :
II, III & IV

Kategori :
KPB12

JASTRE / BL / T024 / 2022

KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN LANDSKAP DI JALAN PERDANA MENTERI DARI PUSING KELILING P.M.O. KE JALAN HAJI BASIR TERMASUK JALAN JERAMBAK, JALAN SEKOLAH, JALAN SIMPANG, ONG SUM PING, JALAN JAME 'ASR (HUJUNG JAMBATAN) DAN JALAN GADONG (HUJUNG JAMBATAN), NEGARA BRUNEI DARUSSALAM UNTUK TEMPOH TIGA (3) TAHUN

Tarikh Buka Tawaran Pada :
Rabu,
9 November 2022

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran :
Selasa,
22 November 2022

Tarikh Tutup :
Selasa,
29 November 2022
Sebelum jam
2.00 Petang

(Ditutup di Pejabat LembagaTawaran Kecil, Tingkat Bawah, Bangunan Kementerian Pembangunan, Lapangan Terbang Lama Berakas,
Bandar Seri Begawan, BB3510,
Negara Brunei Darussalam)

Jumlah Yuran Tawaran :
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

---

**KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**

Bilangan Sebut Harga :
16 / NOVEMBER / KKBS / BKBN / 1.40 / 22

Tajuk Sebut Harga :
Kontrak Penggal Tiga (3) Tahun Penyewaan Mesin Fotokopi Bagi Penggunaan Ibu Pejabat Bahagian Khidmat Bakti Negara (PKBN)

Tarikh Tutup Sebut Harga :
Khamis, 17 November 2022
Tidak lewat jam 2.00 Petang

---

**KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**

Bilangan Sebut Harga :
19 / NOVEMBER / KKBS / BKBN / 1.40 / 22

Tajuk Sebut Harga :
Pembekalan, Penghantaran, Pemasangan dan Pengujian Projektor di Dewan Serbaguna, Kem Latihan Program Khidmat Bakti Negara (PKBN), Batu Apoi, Temburong

Tarikh Tutup Sebut Harga :
Selasa, 15 November 2022
Tidak lewat jam
2.00 Petang

---

**JABATAN PERKHIDMATAN
ELEKTRIK
JABATAN TENAGA**

NOTIS JUALAN LELONG SECARA TAWARAN TERTUTUP

Peti Tawaran Sebut Harga Unit Pengangkutan dan Bengkel Bahagian Pengurusan Aset dan Kemudahan Penyimpanan Jabatan Perkhidmatan Elektrik Batu Bersurat Gadong Negara Brunei Darussalam

Tarikh Iklan Dibuka :
Isnin, 31 Oktober 2022

Tarikh Iklan Ditutup :
Rabu, 30 November 2022

Tarikh Melihat Barang :
17 November 2022 dan 24 November 2022,
Jam 9.00 Pagi - 11.00 Pagi
Bertempat : JPE Sub-stor Pasir Putih, Tanjung Maya, Tutong

Keterangan Barang :
Scrap Metal - 1 Lot

---

**KEMENTERIAN HAL EHWAL
UGAMA**

Pemberitahuan
Sebut Harga

Bilangan Sebut Harga :
KHEU / JPI / JKS / 22 / 2022-2023

Tajuk Sebut Harga :
Mencetak Ulang, Membekal Dan Menghantar Buku-Buku Teks Persekolahan Arab, Bagi Sesi Pembelajaran Tahun 2023, Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Tahun 1443H-1444H / 2022M-2023M

Yuran Sebut Harga :
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup :
Rabu, 28 Rabiulakhir 1444H / 23 November 2022M
Tidak lewat jam
2.00 Petang

---

**JABATAN PENERANGAN
JABATAN PERDANA
MENTERI**

KENYATAAN TAWARAN

Bilangan Sebut Harga :
(96) INFO / PK / K / 7 (2022-2023)

Tajuk Sebut Harga :
Mencetak Buku Haluan 2020

Bilangan Sebut Harga :
(99) INFO / PK / K / 7 (2022-2023)

Tajuk Sebut Harga :
Mencetak Buku Haluan 2021

Yuran Sebut Harga :
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup :
Rabu, 16 November 2022,
Jam 11.00 Pagi

**KOLEJ UNIVERSITI PERGURUAN UGAMA SERI BEGAWAN**

Bilangan Tawaran :
KUPU SB / JKS (26) / 01-10 / 2022-2023

TAWARAN BAGI PENEMPATAN 'KAFETERIA' DI KOLEJ UNIVERSITI PERGURUAN UGAMA SERI BEGAWAN

Tarikh Akhir Mengambil Borang Tawaran : Sabtu, 19 Rabiulawal 1444H / 15 Oktober 2022M.

Tarikh Tutup Menghantar Borang Tawaran : Rabu, 21 Rabiulakhir 1444H / 16 November 2022M, tidak lewat jam 2.00 Petang

---

**KEMENTERIAN KESIHATAN**

PEMBERITAHUAN TAWARAN

Bilangan Tawaran :
KK / 279 / 2022 / LAB(TC)

Tajuk Tawaran :
To Supply And Deliver Of Laboratory Elisa Test Kits With Equipment Rental For National Virology Reference Laboratory, Department Of Laboratory Services, Ministry Of Health For A Period Of Five (5) Years Usage

Bayaran Yuran Tawaran :
BND100.00
(Tidak Dikembalikan)

Bilangan Tawaran :
KK / 283 / 2022 / PPN(TC)

Tajuk Tawaran :
Supply And Delivery Of Consumables For Department Of Dental Services (Orthodontic) For A Period Of Three (3) Years

Bayaran Yuran Tawaran :
BND10.00 (Tidak Dikembalikan)

Bilangan Tawaran :
KK / 284 / 2022 / SSBH

Tajuk Tawaran :
Disposal Of Clinical Waste Including Collection, Transportation And Incinerate From Suri Seri Begawan Hospital, Kuala Belait To An Off-Site Location For One (1) Year

Bayaran Yuran Tawaran :
BND30.00 (Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa, 15 November 2022
Jam 2.00 Petang

---

**JABATAN DAERAH BRUNEI DAN MUARA KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

Bilangan Tawaran :
JDBM / T / 04 / 2022

Tajuk Tawaran :
Membekal Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Bagi Bangunan Jabatan Daerah Brunei Dan Muara Selama Dua (2) Tahun, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Tutup :
Tidak lewat Selasa
15 November 2022
Jam 2.00 Petang

---

**PEJABAT PENERBANGAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA**

Bilangan Tawaran :
HMSF / TDR / 05 / 2022

Tajuk Projek :
THE SUPPLY, DELIVERY AND COMMISSIONING OF TWO UNITS (02) LIGHT TOW TRACTOR TO HIS MAJESTY THE SULTAN'S FLIGHT OFFICE

Tarikh Tutup Tawaran :
Tidak lewat Selasa, 29 November 2022, jam 2.00 Petang

---

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

Bilangan Sebut Harga :
DA / JKSH / 220 / 2022 / 2023
[UPP-NOV-2022]

Keterangan :
SEBUT HARGA MEMBEKAL DAN MENGHANTAR TONER / CARTRIDGE PRINTER BAGI KEGUNAAN UNIT STOR DAN PERBEKALAN, BAHAGIAN PERKHIDMATAN KEWANGAN DAN PERBEKALAN, KEMENTERIAN PENDIDIKAN BAGI TEMPOH SATU (1) TAHUN

Bayaran Yuran / Dokumen Sebut Harga :
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup dan Waktu :
26 November 2022

---

**JABATAN PERIKANAN KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN**

Pemberitahuan Tawaran

Bilangan Tawaran :
JPi / 8 / 2022

Tawaran Bagi :
'CONSTRUCT, SUPPLY, DELIVERY AND DEPLOY COMPLETE SETS OF MID-WATER FISH AGGREGATING DEVICES (MWFADS) AT FISHING ZONE 4C, BRUNEI DARUSSALAM FISHERY LIMITS'

Tarikh Tutup :
6 Disember 2022

Jam Tutup :
2.00 Petang

---

**UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM**

Bilangan Tawaran :
UBD / E8 / 011 / 2022 - [T]

Tajuk Tawaran :
Term Contract For Two (2) Years Of Cleaning And Housekeeping Works (Buildings & Compound) For Universiti Brunei Darussalam
Class : IV and Above
Category : S02

Bayaran Dokumen & Pentadbiran (Termasuk E-Dokumen) :
BND505.00[Tidak dikembalikan]

Bilangan Tawaran :
UBD / E8 / 012 / 2022 - [T]

Tajuk Tawaran :
To Supply, Deliver and Install New Roof Works At Faculty Of Science, Universiti Darussalam Darussalam
Class : II and Above
Category : B01, KPB02, KA01

Bayaran Dokumen & Pentadbiran (Termasuk E-Dokumen) :
BND35.00[Tidak dikembalikan]

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa, 6 Disember 2022
Tidak lewat jam 2.00 Petang

---

**JABATAN PERIKANAN KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN**

Pemberitahuan Sebut Harga

Bilangan Sebut Harga :
IKAN / 78(Q) / 0026 / 2022

Tajuk Sebut Harga :
TO SUPPLY AND DELIVERY OF OIL SPILL KITS (OIL-ONLY) FOR AQUACULTURE INDUSTRY DIVISION, DEPARTMENT OF FISHERIES, SERASA

Tarikh Tutup :
Khamis, 17 November 2022
Jam 2.00 Petang

---



**KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

SEBUT HARGA BAGI PERKHIDMATAN MEMBEKAL, MEMASANG, MENGUJI, MENTAULIAH SERTA MEMULIHARA SISTEM KAWALAN KESELAMATAN KAMERA LITAR TERTUTUP (CCTV) DAN SISTEM PENGGERA KESELAMATAN

Bilangan Sebut Harga :
DA / JKSH / 213 / 2022 / 2023
[AKS-NOV-2022]

Keterangan :
SEBUT HARGA PERKHIDMATAN MEMBEKAL, MEMASANG, MENGUJI, MENTAULIAH SERTA MEMULIHARA SISTEM KAWALAN KESELAMATAN KAMERA LITAR TERTUTUP (CCTV) DAN SISTEM PENGGERA KESELAMATAN BAGI :

SEKOLAH RENDAH DATO MOHD YASSIN

Tempoh Perkhidmatan :
60 BULAN

Bayaran Yuran / Dokumen Sebut Harga :
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

Bilangan Sebut Harga :
DA / JKSH / 214 / 2022 / 2023
[AKS-NOV-2022]

Keterangan :
SEBUT HARGA PERKHIDMATAN MEMBEKAL, MEMASANG, MENGUJI, MENTAULIAH SERTA MEMULIHARA SISTEM KAWALAN KESELAMATAN KAMERA LITAR TERTUTUP (CCTV) DAN SISTEM PENGGERA KESELAMATAN BAGI :

SEKOLAH RENDAH MENTIRI

Tempoh Perkhidmatan :
60 BULAN

Bayaran Yuran / Dokumen Sebut Harga :
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

Bilangan Sebut Harga :
DA / JKSH / 215 / 2022 / 2023
[AKS-NOV-2022]

Keterangan :
SEBUT HARGA PERKHIDMATAN MEMBEKAL, MEMASANG, MENGUJI, MENTAULIAH SERTA MEMULIHARA SISTEM KAWALAN KESELAMATAN KAMERA LITAR TERTUTUP (CCTV) DAN SISTEM PENGGERA KESELAMATAN BAGI :

SEKOLAH RENDAH RIMBA I

Tempoh Perkhidmatan :
60 BULAN

Bayaran Yuran / Dokumen Sebut Harga :
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

Bilangan Sebut Harga :
DA / JKSH / 216 / 2022 / 2023
[AKS-NOV-2022]

Keterangan :
SEBUT HARGA PERKHIDMATAN MEMBEKAL, MEMASANG, MENGUJI, MENTAULIAH SERTA MEMULIHARA SISTEM KAWALAN KESELAMATAN KAMERA LITAR TERTUTUP (CCTV) DAN SISTEM PENGGERA KESELAMATAN BAGI :

SEKOLAH RENDAH RIMBA II

Tempoh Perkhidmatan :
60 BULAN

Bayaran Yuran / Dokumen Sebut Harga :
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

Bilangan Sebut Harga :
DA / JKSH / 217 / 2022 / 2023
[AKS-NOV-2022]

Keterangan :
SEBUT HARGA PERKHIDMATAN MEMBEKAL, MEMASANG, MENGUJI, MENTAULIAH SERTA MEMULIHARA SISTEM KAWALAN KESELAMATAN KAMERA LITAR TERTUTUP (CCTV) DAN SISTEM PENGGERA KESELAMATAN BAGI :

SEKOLAH RENDAH DATO BASIR

Tempoh Perkhidmatan :
60 BULAN

Bayaran Yuran / Dokumen Sebut Harga :
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup dan Waktu :
19 November 2022,
Tidak lewat jam
9.00 Pagi

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

SEBUT HARGA BAGI MEMBEKAL DAN MEMASANG SERTA MENGUJI LAMPU KESELAMATAN DI KAWASAN SEKOLAH

Bilangan Sebut Harga :
DA / JKSH / 219 / 2022 / 2023
[AKS-NOV-2022]

Keterangan :
SEBUT HARGA MEMBEKAL DAN MEMASANG SERTA MENGUJI LAMPU KESELAMATAN DI KAWASAN SEKOLAH BAGI :

1. SEKOLAH RENDAH DATO OTHMAN
2. SEKOLAH MENENGAH LAMBAK KIRI
DAERAH BRUNEI MUARA KEMENTERIAN PENDIDIKAN BAGI TEMPOH SATU (1) TAHUN

Bayaran Yuran / Dokumen Sebut Harga :
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup dan Waktu :
Sabtu, 19 November 2022

**JABATAN AUDIT**
**JABATAN PERDANA MENTERI**

Bilangan Sebut Harga :
AUD / UPKTM / Q&T / 2022-2023 / 20

MEMBELI 3 UNIT TELEVISYEN LED

Spesifikasi :
1. Display 55-inch
2. Screen Type LED
3. Input HDMI
4. Input USB
5. Smart TV
6. Resolution Standard 4K

Tarikh Tutup Sebut Harga :
Selasa, 15 November 2022
jam 12.00 Tengah Hari

**JABATAN ALAM SEKITAR, TAMAN DAN REKREASI**
**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG-PEMBORONG DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Kelas :
II, III, IV & V

Kategori :
KPB12

JASTRE / BL / T023 / 2022

KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN LANDSKAP DI JALAN GADONG (STESEN JANA KUASA) KE PENGHUJUNG JAMBATAN GADONG DARI JAMBATAN JALAN JAME' 'ASR KE PUSING KELILING JAME 'ASR DAN BERDEKATAN KAWASAN MASJID JAME' 'ASR, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM UNTUK TEMPOH TIGA (3) TAHUN

Tarikh Buka Tawaran Pada :
Rabu, 2 November 2022

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran :
Selasa, 15 November 2022

Tarikh Tutup :
Selasa, 22 November 2022
sebelum jam 2.00 Petang

(Ditutup di Pejabat Lembaga Tawaran Kecil, Tingkat Bawah, Bangunan Kementerian Pembangunan, Lapangan Terbang Lama Berakas, Bandar Seri Begawan, BB3510, Negara Brunei Darussalam)

Jumlah Yuran Tawaran :
BND30.00 (Tidak dikembalikan)

**JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT**
**KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

TAJUK TAWARAN :

Sebut Harga Bagi :

1. INSTALLING NEW PTO FOR LIGHT PUMPER BG2551
(RUJ : JBP / TSH / 28 / 2022-2023)

2. KURSUS MEMANDU KELAS 5
(RUJ : JBP / TSH / 29 / 2022-2023)

3. LEASING OF TREADMILL GYM EQUIPMENT
[3 YEARS CONTRACT]
(RUJ : JBP / TSH / 30 / 2022-2023)

4. MEMBEKAL DAN MENGHANTAR KATIL, TILAM DAN BANTAL
(RUJ : JBP / TSH / 31 / 2022-2023)

5. MEMBEKAL DAN MENGHANTAR JENIS KAYU DAN PLYWOOD
(RUJ : JBP / TSH / 32 / 2022-2023)

6. MEMBEKAL DAN MENGHANTAR SELECT O MATIC
(RUJ : JBP / TSH / 33 / 2022-2023)

Tarikh Tutup / Jam Tawaran :
Khamis, 17 November 2022
Jam 1.50 Petang

Yuran Tawaran :
BND5.00 (Tidak dikembalikan)

**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

DIVISYEN PENGURUSAN KORPORAT

NOTIS SEBUT HARGA

Bilangan Sebut Harga :
KPN / IT / 002 / 02.7 / 2022 / Q24

Tajuk Sebut Harga :
INVITATION TO SUPPLY AND DELIVERY OF HP AND LEXMARK PRINTER PRINTING TONER CARTRIDGES FOR MINISTRY OF DEVELOPMENT

Bilangan Sebut Harga :
KPN / IT / 002 / 02.7 / 2022 / Q25

Tajuk Sebut Harga :
INVITATION TO SUPPLY AND DELIVERY OF FUSER KIT AND INTERMEDIATE TRANSFER BELT MAINTENANCE KIT FOR HP PRINTER AND FUSER MAINTENANCE KIT AND WIPER COVER FOR LEXMARK PRINTER

Bayaran Sebut Harga :
BND10.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Buka :
Isnin,
31 Oktober 2022

Tarikh Akhir Pembelian Dan Pembayaran :
Khamis,
10 November 2022

Tarikh Tutup :
Isnin,
14 November 2022
Jam : Sebelum 9.00 Pagi

# PESERTA ORIENTASI DIDEDAHKAN PADA PERSEKITARAN BILIK DARJAH





SUASANA di dalam bilik darjah semasa Program Orientasi bagi Kanak-kanak Prasekolah, di Sekolah Rendah Beribi Telanai (atas dan kanan).

**Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin**
**Foto : Hamzah Mohidin**

**TELANAI,** Isnin, 7 November. - Beberapa buah sekolah kerajaan di keempat-empat daerah mengadakan Program Orientasi bagi Kanak-kanak Prasekolah yang bakal memulakan persekolahan mereka, pada tahun 2023.

Sehubungan itu, tinjauan Pelita Brunei ke Sekolah Rendah Beribi Telanai menyaksikan seramai 38 murid mengikuti orientasi, yang berlangsung di sekolah berkenaan, di sini.

Salah seorang guru dari sekolah berkenaan semasa ditemui oleh Pelita Brunei menjelaskan, murid-murid yang mengikuti orientasi selama dua hari, bermula hari ini, dibahagikan pada tiga kumpulan mengikut kelas masing-masing.

Sebelum Program Orientasi diadakan, taklimat diadakan bagi memberikan pendedahan kepada para ibu bapa, dalam mempersiapkan anak-anak mereka pada persekitaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah.

Pelbagai aktiviti pembelajaran yang melibatkan penyertaan semua kanak-kanak baharu, iaitu mengikut kreativiti guru-guru prasekolah, masing-masing dalam menyediakan suasana pembelajaran yang gembira dan sebagai persediaan mereka mengikuti kelas prasekolah yang formal, pada tahun hadapan.

Aktiviti yang dirancang merupakan sesuatu yang menyeronokkan, praktikal, *hands-on* dan menggunakan pelbagai jenis kaedah, seperti nyanyian, pergerakan, lakonan, cerita, melukis, permainan bebas serta permainan yang menggunakan pelbagai jenis bahan, seperti blok, doh, bahan kitar semula dan lain-lain.

Orientasi berkenaan, antara lain bertujuan untuk memberikan pendedahan awal pada persekitaran bilik darjah serta mengelakkan perasaan gugup dan takut semasa pembukaan sekolah nanti.

Ia juga bertujuan untuk memberi peluang murid-murid untuk bersuai kenal bersama guru dan rakan-rakan, selain untuk memberi ibu bapa peluang untuk mengetahui keadaan sekolah anak-anak mereka.




# MPK Kampung Sengkarai adakan Kempen Kebersihan

**Siaran Akhbar dan Foto : Ajees Hamdan**

**TUTONG**, Ahad, 6 November. - Sebagai salah satu aktiviti kebajikan yang dirancang oleh belia Kampung Sengkarai, Tutong, para belia Majlis Perundingan Kampung (MPK) Sengkarai Tutong kali ini mengungkayahkan Kempen Kebersihan di kawasan Masjid Pengiran Anak Haji Mohammed Alam Kampung Sengkarai Tutong.

Turut serta pada kempen berkenaan, Ketua Kampung Sengkarai Tutong, Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan; Imam Masjid berkenaan dan para belia serta penduduk Kampung Sengkarai Tutong.

Kempen berkenaan diadakan setelah kempen kebersihan di Balai Ibadat Lama Kampung Sengkarai Tutong.

Di samping itu, dengan melakukan aktiviti kebajikan sebegini akan dapat mengeratkan lagi hubungan silaturahim dan keakraban dalam kalangan para belia Kampung Sengkarai, Tutong.

Menurut Awang Abdul Aziz, beliau berasa sangat gembira dan teruja kerana ramai belia telah menghadirkan diri pada acara kempen berkenaan dan semoga acara memuncang-muncang seperti itu akan dapat dilakukan sepanjang masa.

"Saya juga berharap agar para belia ini akan terus bersatu padu dan sama-sama menggembleng tenaga untuk memajukan Kampung Sengkarai.

"Saya juga tidak lupa mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Imam Masjid dan Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid yang sudah bekerjasama dalam melakukan kempen pada hari ini selain bantuan daripada pihak kerajaan seperti Jabatan Kerja Raya," katanya lagi.

Diharapkan projek sebegini akan dapat diteruskan dan dijadikan sebagai aktiviti tahunan.



PARA belia Majlis Perundingan Kampung (MPK) Sengkarai Tutong mengungkayahkan Kempen Kebersihan di kawasan Masjid Pengiran Anak Haji Mohammed Alam, Kampung Sengkarai Tutong, yang turut disertai oleh Ketua Kampung Sengkarai Tutong, Imam Masjid dan para belia serta penduduk kawasan berkenaan.

# KERETA TERBAKAR SELEPAS TERLIBAT DALAM KEMALANGAN

**Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Bomba dan Penyelamat**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 7 November. - Dua kenderaan terlibat dalam kemalangan dan menyebabkan salah sebuah kenderaan terbakar keseluruhannya dalam satu kejadian, yang berlaku di kawasan Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Lambak Kanan, kelmarin.

Seramai lima Anggota Bomba dari Balai Bomba Lambak Kanan, diketuai oleh DSO Haji Tarip bin Haji Ghani dikejarkan ke insiden kemalangan jalan raya.

Setibanya di tempat panggilan, kereta jenis sedan terbakar keseluruhannya, manakala sebuah kereta jenis SUV terbabas ke tepi jalan raya selepas terlibat dalam kemalangan.

Anggota bomba membuat tindakan segera dengan memadam kebakaran berkenaan dengan menggunakan satu hos *reel* dari kereta bomba.

Api dapat dipadamkan dalam masa dua minit dan punca serta anggaran kerugian masih dalam siasatan.

Kedua-dua pemandu kenderaan berkenaan mendapat kecederaan dan mendapat rawatan di Unit Kecemasan Hospital RIPAS.

Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP) ingin mengambil kesempatan menyarankan orang ramai agar sentiasa mematuhi undang-undang dan peraturan jalan raya; mengamalkan sikap bertolak ansur sesama pengguna jalan raya lain; memastikan kenderaan mereka dalam keadaan baik dan selamat secara keseluruhannya, seperti memastikan tiada sebarang kebocoran dan pam yang boleh menyebabkan pengaliran cecair mudah terbakar pada enjin blok yang panas atau sistem elektrik; dan bagi mendapatkan maklumat mengenai penyelenggaraan kenderaan, bengkel-bengkel kenderaan; serta syarikat stesen pemeriksaan yang diiktiraf oleh JPD, bolehlah memuat turun buku *Understanding your vehicle* melalui pautan, *http:///www.mtic.gov.bn/vehicle/Home.aspx*.

JBP ada menyediakan program-program keselamatan, seperti Kursus Fire Marshal, Life Saver 995 dan Taklimat Keselamatan Kebakaran bagi mengetahui aspek-aspek keselamatan semasa menangani kecemasan serta mengetahui tatacara yang betul bagi penggunaan Alat Pemadam Api.

Jika berlaku sebarang insiden kecemasan, hubungi Talian Kecemasan JBP 995 dan memberikan maklumat tepat.



**KEJADIAN kemalangan dua buah kenderaan yang menyebabkan salah sebuah kenderaan terbakar keseluruhannya, yang berlaku di kawasan Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Lambak Kanan.**




## Kenali Bahasa Brunei

**Gayal** bermaksud lambat membesar tentang manusia, tumbuh-tumbuhan, atau binatang.
Contoh pemakaian kata : dari damit malar damam ***gayal*** badannya anak atu, inda mau tinggi.

**Gigiran** bermaksud melatah atau mengeluarkan perkataan atau membuat sesuatu dengan tidak disengaja kerana terperanjat atau diusik.
Contoh pemakaian kata : mun ia ***gigiran***, jamput idungnya, baranti gigirannya itu.

**Bagimbar** bermaksud bergandingan dan bersusun sebelah-menyebelah.
Contoh pemakaian kata : jangan kamu ***bergimbar*** bamain biskal di pail, gugur kamu karang.

**Ginis** bermaksud elok tentang rupa dan tingkah laku seseorang.
Contoh pemakaian kata: bisai tu anaknya ah, ***ginis*** urangnya.

**SUMBER : DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**

## Selera Kampung Kitani

### Kawasan 4, RPN Lambak Kanan




**Foto : Saerah Haji Abdul Ghani**

# Sambal Mangga

**BAHAN-BAHAN :**

Mangga mempelam
Hirisan bawang besar
Hirisan bawang merah
Lada kisar
Kisaran udang kering
Belacan
Lada hidup
Lada Thailand
Limau kasturi
Gula
Sira (garam)

**CARA MEMBUAT :**
Cincang halus mangga. Gaul lada kisar, belacan, sira, gula, kisaran udang kering, hirisan bawang merah, hirisan bawang besar, lada hidup, lada Thailand dan limau kasturi. Gaul semua bahan bersama cincangan mangga. Siap dan hidangkan.

# PASTIKAN PERINTAH PEKERJAAN 2009 DIPATUHI



PEGAWAI-pegawai Penguatkuasaan dari Jabatan Buruh semasa menjalankan Operasi Sejahtera 179/2022 di Kampung Jerudong, baru-baru ini.

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Buruh

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 6 November. - Bahagian Penguatkuasaan Undang-undang, Jabatan Buruh telah menjalankan Operasi Sejahtera 179/2022 di Kampung Jerudong pada 1 November lalu yang bertujuan untuk menguatkuasakan dan memastikan Perintah Pekerjaan 2009 dipatuhi oleh para majikan.



Pemeriksaan ke atas kegiatan pertanian di kawasan Kampung Jerudong mendapati satu kesalahan di bawah Perintah Pekerjaan, 2009 yang dilakukan oleh majikan, iaitu tidak menyediakan tempat tinggal yang teratur dengan bilik pekerja adalah dalam keadaan sempit, tidak bersih, dan tidak selesa.

Sehubungan itu, majikan berkenaan didapati telah melakukan kesalahan di bawah Perintah Pekerjaan 2009 khususnya Bab 80, iaitu gagal menyediakan tempat tinggal yang bersih, selesa, dan selamat; Bab 81, iaitu tempat tinggal tidak menurut peruntukan-peruntukan sebarang undang-undang yang bertulis; dan Bab 82, iaitu gagal menyediakan kelengkapan pertolongan cemas.

Jika sabit kesalahan, majikan yang menggaji boleh dikenakan denda kompaun sebanyak BND600 bagi kesalahan pertama dan BND900 bagi kesalahan kedua.

Majikan juga diarahkan untuk memindah para pekerja berkenaan ke tempat tinggal yang mematuhi piawaian tempat tinggal Jabatan Buruh dengan segera.

Jabatan Buruh ingin mengingatkan kepada majikan supaya sentiasa memantau hal ehwal kebajikan pekerja selaras dengan kehendak Perintah Pekerjaan, 2009 seperti penyediaan kontrak pekerjaan dan pembayaran gaji tepat pada waktunya.

Para majikan adalah dinasihatkan untuk tidak menyalahgunakan Lesen Pekerja Asing dan melanggar akta di bawah Perintah Pekerjaan 2009.

Untuk makluman lebih lanjut, bolehlah berhubung dengan Jabatan Buruh melalui talian +673 2381848 (semasa waktu bekerja) atau +673 7298989 (di luar waktu bekerja).

**ADALAH menjadi satu kesalahan di bawah Perintah Pekerjaan, 2009, jika majikan gagal menyediakan tempat tinggal yang bersih dan selesa bagi pekerjanya.**




# Seramai 20 individu dikompaun

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Daerah Brunei dan Muara

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 8 November. - Seramai 20 individu dikeluarkan kompaun di bawah Miscellaneous Offences Act (Cap 30) oleh Bahagian Perlesenan dan Penguatkuasaan, Jabatan Daerah Brunei dan Muara semasa 'Operasi Bersepadu Bersih' bersama Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED) serta Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK), di kawasan Kampung Tanah Jambu, Mukim Mentiri, baru-baru ini.

Semasa operasi tersebut, JIPK mengeluarkan *special pass* kepada 11 individu, warganegara asing bagi siasatan lanjut.

Sementara itu, JKED melaporkan satu tangkapan dan tindakan dikenakan kepada individu berkenaan kerana melakukan kesalahan, di bawah Bab 146, Perintah Eksais Diraja 2006, iaitu memiliki satu karton, sembilan paket, 20 batang rokok berjenama Era Premium.





BAHAGIAN Perlesenan dan Penguatkuasaan, Jabatan Daerah Brunei dan Muara semasa 'Operasi Bersepadu Bersih' bersama Jabatan Kastam dan Eksais Diraja serta Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan mengeluarkan kompaun kepada seramai 20 individu, di bawah Miscellaneous Offences Act (Cap 30) (kiri dan kanan).




INFO Teknologi

# Memilih komputer riba sesuai dengan kegunaan

Oleh : Nurhamiza Awang Haji Roslan
Foto : Pelita Brunei, ihsan garetsvisual, tirachardz on Freepik.com

**Pendahuluan**

DALAM dunia yang kita tinggal sekarang ini, kita sangat bergantung kepada teknologi. Kita dapat melihat bahawa teknologi yang ada sentiasa dinaik taraf dan hampir setiap hari kita melihat ada sahaja alat elektronik baharu atau versi alat elektronik lama yang telah dinaik taraf diperkenalkan. Salah satu alat elektronik yang sangat berguna untuk kegunaan harian adalah komputer riba dan terdapat pelbagai jenis komputer riba yang dijual di pasaran. Sebagai pengguna, bagaimana kita memilih komputer riba yang bersesuaian?

Komputer riba adalah komputer *all-in-one* atau 'semua dalam satu' yang menggunakan kuasa bateri atau kuasa AC yang boleh bertahan selama beberapa jam. Ciri mudah alih komputer riba menjadikannya alat elektronik pilihan ramai untuk melakukan kerja sekolah, berurus niaga, bermain *game* atau untuk melakukan aktiviti masa lapang. Apabila hendak membeli komputer, satu soalan yang perlu kita tanya diri kita adalah bagaimana kita ingin menggunakan komputer yang diingini. Kita perlu tahu dan memahami bahawa perisian, perkakasan dan kos komputer berbeza-beza bergantung pada aplikasi yang kita ingin gunakan. Jika kita kurang pasti, jurujual yang ada pasti akan dapat membantu. Golongan pengguna yang selalunya memerlukan komputer riba adalah penuntut atau pelajar dan kemudian orang berniaga dan seterusnya pekerja pejabat. Secara umumnya komputer yang hendak digunakan untuk berniaga atau melakukan urusniaga adalah komputer gred perniagaan yang mempunyai lebih banyak memori dan kapasiti pemprosesan berbanding komputer gred pengguna biasa. Dalam memilih komputer yang sesuai untuk keperluan, kita juga perlu memastikan kita mendapat harga terbaik untuk ciri yang paling boleh digunakan.

**Memahami aplikasi yang sedia ada**

Ciri pertama yang perlu dilihat dalam memilih komputer riba bersesuaian adalah ciri aplikasi yang ada pada komputer tersebut. Sebagai contoh, jika kita ingin membeli komputer untuk memudahkan urusan berniaga, kita perlu tahu bahawa penggunaan komputer perniagaan berbanding dengan komputer rumah peribadi biasanya berbeza sepenuhnya. Komputer perniagaan digunakan untuk segala-galanya daripada meng*edit* dan memaparkan video kepada mencipta video dan pembentangan serta melihat grafik gred tinggi. Pengkomputeran rumah kebanyakannya terhad kepada melayari *internet*, menyemak e-mel, pemprosesan perkataan ringan dan permainan. Walaupun keperluan individu berbeza dari individu ke individu, pengkomputeran di rumah adalah lebih ringan daripada pengkomputeran di tempat kerja.

**Memilih spesifikasi bersesuaian**

Komputer riba gred perniagaan biasanya mempunyai lebih banyak ruang memori dan pemproses yang lebih berkuasa daripada komputer gred pengguna. Ini kerana komputer perniagaan selalunya memerlukan jumlah memori yang besar iaitu sekitar 500GB hingga 750GB dengan pemproses dua atau empat teras untuk mengendalikan tugas seperti *rendering*, menyimpan grafik dan dokumen yang besar serta rangkaian dengan komputer lain. Komputer rumah kebanyakannya digunakan untuk aplikasi peribadi, bermakna kurang ruang memori dan kuasa pemprosesan diperlukan untuk pengkomputeran lebih ringan.

Komputer riba untuk perniagaan selalunya direka mengikut tujuan untuk kegunaan syarikat. Pengilang akan mengoptimumkan komputer riba perniagaan untuk perjalanan dan tempoh aktif yang lebih lama daripada komputer riba kegunaan peribadi. Oleh itu, komputer riba perniagaan akan menjadi lebih cekap dari segi hayat bateri, kelajuan dan kuasa. Ciri-ciri seperti hayat bateri lebih tahan dan juga kelajuan serta kuasa yang lebih akan menjadi kepentingan untuk menyokong permintaan seperti persidangan video atau pembentangan dalam talian.

**Perkakasan, bahagian komputer**

Apabila bercakap tentang perkakasan (*hardware*) komputer riba kita harus tahu bahawa kebanyakan komputer riba gred pengguna dibuat dalam kuantiti yang banyak. Ini menjadikan perkakasan komputer riba gred pengguna mudah diperoleh dan secara amnya juga adalah mudah untuk melakukan kerja-kerja pembaikan dan penyelenggaraan ke atas komputer-komputer riba gred pengguna yang ada pada masa ini.

Komputer riba perniagaan biasanya akan lebih diperibadikan (*personalized*) dan menggunakan pemproses tugas berat, papan induk dan komponen lain yang lebih sukar dan mahal untuk diperoleh. Apabila komputer riba rumah tidak berfungsi, juruteknik komputer biasanya boleh membetulkan isu itu dengan cepat, manakala komputer riba perniagaan memerlukan pakar juruteknik mahir dan pembaikan yang lebih mahal.

**Kos di antara komputer gred perniagaan, gred pengguna**

Seperti yang kita mungkin telah meneka, komputer riba gred perniagaan yang lebih rumit penggunaannya adalah lebih mahal daripada komputer riba gred pengguna. Spesifikasi dan keperluan untuk komputer selalunya dibina khas oleh syarikat komputer yang berkhususan dan berkepandaian dalam mengeluarkan komputer perniagaan yang mempunyai kegunaan lebih khusus dan rumit. Syarikat-syarikat ini mengeluarkan komputer riba gred perniagaan secara pukal dan selalunya kos komputer seperti ini adalah lebih tinggi. Komputer riba rumah gred pengguna memberi si pengguna lebih kebebasan dalam pemilihan dan si pengguna akan dapat mencari harga terbaik untuk ciri terbaik, kerana terdapat pelbagai jenis pengeluar komputer gred pengguna.

Dengan peningkatan hayat bateri, kelajuan dan kuasa komputer riba perniagaan, kita mungkin akan melihat tanda harga yang lebih tinggi. Harga yang akan dibayar bergantung pada ciri dan model komputer yang dipilih. Jika kita memerlukan komputer yang mempunyai penyimpanan lebih besar atau lebar jalur tambahan, harga komputer tersebut setentunya akan meningkat. Walau bagaimanapun, janganlah kita menganggap bahawa komputer riba yang mahal akan memenuhi semua keperluan perniagaan kita atau keperluan secara umum. Sesetengah komputer riba gred pengguna - terutamanya yang dioptimumkan untuk permainan - juga boleh menjadi agak mahal. Adalah penting untuk menilai ciri dan fungsi komputer riba untuk memastikan ianya sesuai dengan keperluan dan cara penggunaan kita.



پليتا بروني PELITA BRUNEI

BERITA GLOBAL

# MESIR : PEMBIAYAAN UNTUK KEMUSNAHAN IKLIM ANTARA AGENDA PERSIDANGAN IKLIM PBB

**SHARM EL-SHEIKH** (Mesir), 7 Nov. - Sesi ke-27 Persidangan Pihak-pihak untuk Konvensyen Rangka Kerja Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Perubahan Iklim (COP27) bermula pada Ahad di Sharm El-Sheikh, Mesir, dan antara agenda perbincangan termasuk mengenai pembiayaan ke atas kerugian dan kerosakan, lapor Xinhua.

Pada sidang akhbar sempena pembukaan persidangan itu, Menteri Luar Mesir merangkap presiden COP27 Sameh Shoukry berkata beliau gembira melihat pihak-pihak yang terlibat bersetuju untuk memperkenal pembiayaan kerugian dan kerosakan sebagai agenda, serta menambah bahawa dunia memerlukan "lonjakan kualitatif untuk menghadapi cabaran perubahan iklim".

Istilah "kehilangan dan kerosakan" dalam rundingan iklim PBB merujuk kepada perbelanjaan yang telah ditanggung akibat kesan perubahan iklim seperti kenaikan paras laut atau gelombang haba yang melampau.

Walaupun pembiayaan iklim ketika ini memberi tumpuan kepada mengurangkan pelepasan karbon untuk mencegah perubahan iklim pada masa hadapan, mewujudkan dana kerugian dan kerosakan bermakna memberi pampasan kepada negara yang tidak dapat mengelak atau menyesuaikan diri dengan perubahan yang telah berlaku.

Diplomat Mesir itu juga menyatakan bahawa banyak beban dan krisis ditanggung oleh persekitaran geopolitik global semasa yang perlu ditangani supaya ia tidak menjejaskan kemajuan dalam merealisasikan komitmen berkaitan tindakan menangani perubahan iklim.

Shoukry berkata negara di benua Afrika antara negara yang mengalami masalah akibat perubahan iklim.

"Negara-negara di benua Afrika telah menunjukkan kesanggupan mereka untuk menghadapi perubahan iklim, namun mereka memerlukan sokongan," kata Shoukry.

Shoukry mempengerusikan mesyuarat untuk memuktamadkan agenda COP27, yang merangkumi usaha ke arah menyesuaikan diri dengan kesan perubahan iklim, mengurangkan impak negatifnya dan cara untuk menyediakan pembiayaan iklim.

Pada mesyuarat itu, Shoukry menekankan perlunya usaha untuk menghadapi kesan negatif perubahan iklim semasa persidangan dua minggu itu yang dihadiri lebih 40,000 peserta dari 190 negara dan berpuluh-puluh organisasi antarabangsa dan serantau yang akan cuba bekerjasama dan mencari penyelesaian untuk menghadapi cabaran terbesar yang dihadapi dunia.

Sementara itu, Presiden Mesir Abdel-Fattah al-Sisi berkata COP27 berlangsung pada masa yang sangat sensitif ketika dunia terdedah kepada bahaya.

"Tidak dinafikan bahawa bahaya dan cabaran ini memerlukan tindakan pantas oleh semua negara untuk melaksanakan pelan tindakan menyelamat yang melindungi dunia daripada kesan perubahan iklim," kata Sisi dalam kenyataan rasmi di laman Facebooknya.

Presiden Mesir itu berkata negaranya menantikan persidangan iklim ini bagi memastikan segala janji dapat dilaksanakan.

Sementara itu, Perdana Menteri Mesir Mostafa Madbouly merasmikan Zon Hijau yang akan menyaksikan banyak acara dan aktiviti di luar COP27.

Madbouly menjelaskan kawasan yang diperuntukkan untuk Zon Hijau lebih besar daripada mana-mana sidang kemuncak iklim sebelum ini sekali gus mencerminkan mesej penting dari Mesir.

"Mesir mewakili benua Afrika pada sidang kemuncak ini, yang akan menyaksikan buat kali pertama peruntukan 'Hari Afrika'. Acara itu akan membincangkan idea belia Afrika dan semua entiti yang mewakili benua hitam," kata Madbouly semasa perasmian zon itu.

Beliau berkata walaupun benua Afrika adalah antara paling terjejas akibat perubahan iklim negatif, negara-negara Afrika hanya mengeluarkan empat peratus daripada gas rumah hijau dunia.

Oleh itu, katanya, penganjuran persidangan di Afrika adalah peluang sebenar untuk menghantar mesej yang jelas kepada seluruh dunia bahawa Afrika memerlukan sokongan besar bagi menangani perubahan iklim. - ©BERNAMA

# Yayasan Bill & Melinda Gates umum geran US$1.4 bilion kepada petani di Afrika

**WASHINGTON**, 8 Nov. - Yayasan Bill & Melinda Gates mengumumkan geran bernilai US$1.4 bilion untuk membantu petani kecil di Afrika akibat kesan perubahan iklim, menurut yayasan itu dalam satu kenyataan pada Isnin, lapor Sputnik.

Menteri Luar Mesir dan Presiden Persidangan Perubahan Iklim PBB ke-27 (COP27) Sameh Shukry di luar COP27 baru-baru ini berkata, negara-negara Afrika memerlukan pembiayaan untuk menangani kesan perubahan iklim, susulan penduduknya berdepan akibat daripadanya meskipun mereka bukan penyumbang utama kepada perubahan iklim.

"Hari ini, Yayasan Bill & Melinda Gates menyeru pemimpin Afrika agar meningkatkan skala kewangan dengan cepat untuk penyesuaian iklim dan berjanji untuk melabur US$1.4 bilion bagi membantu petani dan pekebun kecil menangani kesan jangka panjang perubahan iklim.

"Pengumuman itu dibuat oleh Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Gates Mark Suzman pada Persidangan Perubahan Iklim Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (COP27)," menurut kenyataan itu.

Melalui inisiatif ini, dana itu akan menaja industri pertanian hijau inovatif Afrika dalam tempoh empat tahun akan datang, membantu dengan menggunakan teknologi digital moden dalam bidang itu dan menyokong petani wanita. - ©BERNAMA

# Selesema : AS berdepan kadar kemasukan ke hospital tertinggi sejak sedekad

**NEW YORK**, 8 Nov. - Amerika Syarikat (AS) berdepan kadar kemasukan ke hospital tertinggi dalam tempoh lebih sedekad akibat demam selesema dengan kebanyakan pesakit merupakan kanak-kanak dan warga emas, menurut Pusat Kawalan dan Pencegahan Penyakit (CDC).

"Kes membabitkan virus sinsitium pernafasan dan selesema telah menunjukkan penurunan semasa pandemik COVID-19 disebabkan oleh langkah-langkah mitigasi seperti pemakaian pelitup muka dan penjarakan sosial.

"Bagaimanapun, apabila orang ramai mula kembali menjalani rutin biasa dan bersosial tanpa pelitup muka, virus itu mula merebak dengan cepat," lapor Xinhua memetik laporan CDC.

Data dikeluarkan CDC mendedahkan sekurang-kurangnya 1.6 juta orang jatuh sakit akibat selesema pada musim ini, manakala 13,000 pesakit dimasukkan ke hospital dan 730 meninggal dunia.

"Kira-kira tiga pesakit daripada setiap 100,000 orang dimasukkan ke hospital akibat selesema dan angka berkenaan merupakan kadar tertinggi sejak 2010," menurut laporan itu.

Kadar kemasukan ke hospital semasa adalah hampir lima kali ganda berbanding semasa pra-pandemik pada 2019. - ©BERNAMA

# Import eksport China merosot di luar jangkaan pada Oktober

**ANKARA**, 7Nov. - Eksport dan import China merosot di luar jangkaan buat kali pertama dalam tempoh lebih dua tahun pada Oktober.

Eksport susut 0.3 peratus tahun ke tahun, penurunan pertama sejak Mei 2020, menurut data dikeluarkan Pentadbiran Am Kastam pada Isnin, lapor Agensi Anadolu.

Permintaan yang lemah dari luar negara disebabkan lonjakan inflasi serta risiko kemelesetan, menyumbang kepada kegagalannnya untuk memgekalkan anggaran 4.3 peratus sekali lagi selepas pertumbuhan kukuh pada 5.7 peratus pada September.

Import merosot buat kali pertama sejak Ogos 2020, turun 0.7 peratus berbanding tahun sebelumnya, disebabkan COVID-19 mengekang permintaan pelanggan dan menjejaskan operasi kilang.

Unjuran pasaran import adalah peningkatan sebanyak 0.1 peratus setahun pada Oktober.

Lebihan dagangan keseluruhan China berjumlah US$85.2 bilion pada Oktober, meningkat daripada US$84.54 bilion setahun lalu, namun jauh di bawah unjuran US$95.95 bilion. - ©BERNAMA

# PBB umum 18 Nov Hari Sedunia bagi pencegahan penderaan seksual kanak-kanak

**NEW YORK**, 8 Nov. - Perhimpunan Agung PBB pada Isnin menerima pakai resolusi untuk menetapkan 18 Nov setiap tahun sebagai Hari Sedunia bagi pencegahan dan pemulihan daripada eksploitasi seksual kanak-kanak, penderaan dan keganasan.

Resolusi itu menjemput semua negara-negara anggota, organisasi berkaitan PBB dan badan antarabangsa lain, pemimpin dunia, agamawan, masyarakat sivil, serta pihak berkepentingan yang berkaitan untuk memperingati Hari Sedunia setiap tahun dengan cara masing-masing yang dianggap sesuai, lapor Xinhua.

Ia menggalakkan kesedaran awam tentang mereka yang terjejas akibat penderaan seksual kanak-kanak dan keperluan mencegah dan menghapuskan eksploitasi, penderaan dan keganasan seksual kanak-kanak, termasuk keperluan meminta penjenayah bertanggungjawab; memastikan mangsa mendapat akses kepada keadilan dan remedi; memudahkan perbincangan terbuka tentang keperluan untuk mencegah dan menghapuskan stigma, menggalakkan penyembuhan, membela maruah dan melindungi hak mereka. - ©BERNAMA

# Biden minta penyokong pertahan demokrasi menjelang pilihan raya pertengahan penggal

**WASHINGTON**, 8 Nov. - Presiden Amerika Syarikat (AS) Joe Biden menyeru penyokongnya mempertahankan demokrasi negara, sehari sebelum rakyat Amerika mengundi dalam pilihan raya pertengahan penggal.

Beliau berkata demikian pada Isnin ketika menyertai perhimpunan untuk berkempen bagi calon Demokrat, gabenor Wes Moore dan Senator Chris Van Hollen di Maryland, lapor Agensi Anadolu.

"Kami sedar bahawa demokrasi kini berdepan risiko dan ini adalah masa untuk anda mempertahankannya.

"Ingat, nasib Amerika terletak di tangan anda, tangan rakyat," katanya.

Berjuta-juta rakyat Amerika di seluruh negara akan menjalankan tanggungjawab mengundi bagi pilihan raya pertengahan penggal pada Selasa.

Tahun ini, kesemua 435 kerusi Dewan Perwakilan serta 35 kerusi Senat akan dipertandingkan.

Kebanyakan penganalisis meramalkan bahawa Republikan akan menguasai Dewan Perwakilan, tetapi Senat kekal menjadi topik spekulasi utama. - ©BERNAMA

# 22 maut dalam nahas jalan raya di Guinea

**CONAKRY** (Guinea), 7 Nov. - Sekurang-kurangnya 22 orang terbunuh dan lapan lagi cedera pada Ahad apabila bas mini yang membawa beberapa pelajar bertembung dengan sebuah trak di wilayah Kindia di barat Guinea.

Tragedi itu berlaku di jalan utama dari Conakry ke Kindia. Trak berkenaan datang dari wilayah jiran Mamou Kindia, lapor Xinhua memetik kenyataan kerajaan peralihan Guinea.

"Perkhidmatan khusus telah digerakkan untuk membantu keluarga yang kehilangan manakala yang cedera dirawat di hospital wilayah Kindia," kata jurucakap kerajaan Ousmane Gaoual Diallo.

Siasatan sedang dijalankan untuk mengenal pasti punca kemalangan. - ©BERNAMA

# 16 PASUKAN SERTAI SUPER SMASHER 2022

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Ihsan Persatuan Badminton Kebangsaan Brunei Darussalam

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 7 November. - Kejohanan Badminton Berpasukan Super Smasher 2022 disertai oleh sebanyak 16 pasukan, terdiri daripada seramai 192 pemain.

Kejohanan tersebut diadakan bermula dari 4 hingga 12 November, di Pusat Belia, Bandar Seri Begawan.



Kejohanan terbahagi kepada lima kategori acara berpasukan, iaitu Beregu Lelaki Terbuka B1; Beregu Veteran Lelaki (bagi umur 45 tahun ke atas); Beregu Lelaki Terbuka A; Beregu Wanita Terbuka; dan Beregu Lelaki Terbuka B2.

Antara objektif kejohanan adalah untuk meningkatkan penyertaan pemain dalam sukan badminton di Negara Brunei Darussalam, selain mengeratkan hubungan tali silaturahim dalam kalangan pemain-pemain badminton, di seluruh Negara Brunei Darussalam.

Ia juga untuk memberikan peluang dan pendedahan kepada pemain bagi menampilkan bakat serta kebolehan masing-masing dalam sukan badminton, sekali gus membantu pihak persatuan mencari pemain-pemain bagi mengikuti program dan latihan berterusan bagi membuat persediaan untuk mewakili Negara Brunei Darussalam, mengikuti kejohanan peringkat serantau atau dunia, seperti Sukan Arafura, Sukan SEA, Sukan Asia dan BIMP-EAGA.



ANTARA peserta dan penyokong pada Kejohanan Badminton Berpasukan Super Smasher 2022, yang diadakan mulai 4 hingga 12 November, di Pusat Belia, Bandar Seri Begawan (atas dan kiri).

Orang awam adalah dialu-alukan untuk menyaksikan perlawanan tersebut.

Kejohanan Badminton Berpasukan Super Smasher 2022 diadakan dengan kerjasama Persatuan Badminton Kebangsaan Brunei Darussalam serta Jabatan Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

## Australia umum skuad remaja Piala Dunia

**CANBERRA**, 8 Nov. - Jurulatih Australia Graham Arnold pada Selasa mengumumkan skuad 26 pemain untuk Piala Dunia FIFA akan datang di Qatar dengan mengutamakan bakat muda.

Skuad itu menampilkan 17 pemain yang pertama kali menyertai Piala Dunia.

Pemain sensasi remaja Garang Kuol yang akan menyertai kelab Liga Perdana Newcastle United pada Januari adalah antara tujuh pemain dari kelab Liga-A domestik, kata Xinhua.

Kapten dan penjaga gol Mathew Ryan, pemain paling berpengalaman dengan 75 caps, adalah antara dua pemain yang akan beraksi buat kali ketiga dalam Piala Dunia bersama pemain sayap Mathew Leckie.

Socceroos adalah antara pasukan terakhir yang layak ke Qatar, menewaskan Peru menerusi penentuan sepakan penalti dalam play-off pada Jun untuk mara ke Piala Dunia kelima berturut-turut.

"Ia merupakan kempen kelayakan yang unik dan sukar dan kami kini tiba di Qatar dengan skuad menarik yang akan melakukan segala-galanya untuk membanggakan Australia di pentas dunia," kata Arnold dalam satu kenyataan.

Beliau berkata sejak empat tahun lalu, 32 pemain telah membuat penampilan sulung untuk pasukan kebangsaan, dengan 68 pemain bersaing semasa kempen kelayakan dan "setiap daripada mereka telah memainkan peranan sehingga membawa kami ke tahap ini".

"Kami telah bekerja keras untuk memberi peluang kepada pemain muda sepanjang kempen, mendedahkan mereka kepada bola sepak antarabangsa, menguji mereka menentang yang terbaik dan saya teruja dengan perkembangan dan kematangan kumpulan ini yang kini mendapat peluang di pentas terbesar. mungkin."

Pemain pertahanan tengah Trent Sainsbury - pemain yang menonjol untuk Socceroos di Piala Dunia 2018 - digugurkan dengan Arnold sebaliknya mempertaruh Harry Souttar dan Kye Rowles yang pulih daripada kecederaan jangka panjang.

Pemain tengah penyerang Ajdin Hrustic turut dipilih walaupun mengalami kecederaan buku lali, manakala veteran Tom Rogic juga tiada tempat dalam skuad itu selepas menarik diri daripada skuad untuk perlawanan Peru atas sebab peribadi.

Socceroos telah diundi menentang juara bertahan Perancis, Denmark dan Tunisia dalam peringkat kumpulan.

Pasukan itu dijangka tiba di Qatar pada Sabtu dan memulakan latihan pada Isnin. - ©BERNAMA






# CABARAN LARIAN SEJARAH BRUNEI : LESTARIKAN WARISAN, SENI BINA ISLAM

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said



PENGETUA PSB, Dr. Haji Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong pada Sidang Media Program Cabaran Larian Sejarah Brunei 2021 tersebut.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 7 November. - Pusat Sejarah Brunei (PSB) dengan rakan kerjasama Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) akan menganjurkan Program Cabaran Larian Sejarah Brunei 2021 buat kali kedua.

Program Cabaran Larian Sejarah Brunei 2021 ini dijangka akan diadakan pada Ahad, 20 November ini, pada jam 6.30 pagi, di Pusat Sejarah Brunei, di sini.

Pengetua PSB, Dr. Haji Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong memaklumkan mengenai perkara itu, pada Sidang Media Program Cabaran Larian Sejarah Brunei 2021, yang diadakan di Bilik Musyawarah, Tingkat 2, PSB.

Menurut beliau, program, antara lain bertujuan untuk melestari serta mengembangkan sejarah, warisan dan seni bina Islam, terutamanya yang terdapat di BSB.

Selain itu, dengan adanya program ini juga diharap akan menjadi salah satu kaedah untuk mendekatkan generasi muda dan belia serta para pelajar dengan nilai serta kepentingan memahami sejarah tanah air.

Di samping itu, program ini bertujuan untuk mendukung konsep Melayu Islam Beraja (MIB) serta menanam perasaan cinta serta taat setia kepada raja, agama, bangsa dan negara.

"Dalam masa yang sama, melalui program ini, ia menggalakkan masyarakat mengamalkan gaya hidup sihat melalui sukan dan riadah.

"Melalui inisiatif ini, program tersebut diharap menjadi satu daya tarikan baharu, yang mempunyai keunikan dan kelainan cara yang tersendiri yang menarik, mudah difahami serta menyeronokkan dalam usaha melestari dan membarigakan warisan serta seni Islam, khususnya yang terdapat di pusat bandar," tambah Pengetua PSB.

Antara objektif program cabaran juga untuk menyokong dan mempromosikan BSB melalui pendidikan tentang pensejarahan monumen dan mercu tanda yang terdapat di negara ini.

Di samping, membuka ruang dan peluang dengan bergiat aktif serta bekerjasama bersama para belia dan pihak-pihak yang berkepentingan ke arah mempertingkatkan nilai persejarahan NBD serta dapat menerapkan gaya hidup sihat, bermaklumat dan berpengetahuan dalam kalangan generasi muda serta belia.

Juga turut dikongsikan pada Sidang Media berkenaan, format perlumbaan yang memfokuskan pada monumen dan tempat-tempat bersejarah di Kawasan Pusat Bandar, di mana sebelum pelepasan perlumbaan setiap kumpulan akan diberikan sekeping kad soalan pembayang yang mengandungi 12 soalan pembayang.

Beberapa acara-acara sampingan juga akan diadakan, antaranya sesi senamrobik, perlawanan Teqball, Perlawanan Beyblade, persembahan akustik dan pertunjukan koleksi kereta klasik serta basikal antik dan lain-lain, selain juga diadakan cabutan bertuah serta jualan gerai makanan dan minuman.

Mengimbau kembali pertama kali program ini diadakan pada tahun 2019, program ini dianugerahkan Anugerah Islamic Educational Scientific and Cultural Organization (ISESCO), pada 17 Disember 2019, di Tunisia.

Justeru diharap pada tahun ini, program ini akan dapat memberikan manfaat secara berterusan kepada setiap golongan dan lapisan masyarakat di NBD, dalam sama-sama merealisasikan gaya hidup sihat serta menghargai keunikan monumen dan tempat-tempat bersejarah, di negara ini.

# Nadi JPK juara Kejohanan Futsal CDD 2022

Oleh : Ihsan Syamim Mahmud

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 8 November. - Pasukan Nadi JPK muncul juara di Kejohanan Futsal CDD 2022 anjuran Jabatan Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan, yang berlangsung di Kompleks Sukan Jabatan Kerja Raya (JKR), baru-baru ini.

Hadir selaku tetamu kehormat, seterusnya menyampai piala pusingan berserta pingat kepada para pemenang, Pemangku Pengarah Perkembangan Kurikulum, Awang Ali Hamdani bin Haji Muhamad Diah.

Trofi Pemain Terbaik dirangkul oleh Pengiran Jusri, sementara Trofi Penjaring Terbanyak kejohanan pula diraih oleh Haji Mohamad Sahraini.

Kejohanan tersebut merupakan salah satu aktiviti riadah jabatan tersebut sebagai usaha mempromosikan gaya hidup sihat.



PASUKAN Nadi JPK muncul juara pada Kejohanan Futsal CDD 2022 anjuran Jabatan Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan, yang merupakan salah satu aktiviti riadah jabatan tersebut sebagai usaha mempromosikan gaya hidup sihat.